



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

## KESENIAN RODAT DI HULU TERENGGANU

Mohamed Shaharuddin Bin Soh Azmy

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)  
2016

## **KESENIAN RODAT DI HULU TERENGGANU**

**MOHAMED SHAHARUDDIN BIN SOH AZMY**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Program Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**  
2016

## **PENGAKUAN PELAJAR**

Saya mengaku bahawa projek Tahun Akhir bertajuk “Kesenian Rodat di Hulu Terengganu” ini adalah merupakan hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan, huraian dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

---

Tarikh

(MOHAMED SHAHARUDDIN BIN SOH AZMY,  
42166)

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

Grade:

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

**DECLARATION OF ORIGINAL WORK**

This declaration is made on the ..... day of **June** 2016

**Student's Declaration:**

I **MOHAMED SHAHARUDDIN BIN SOH AZMY, 42166, FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS** hereby declare that the work entitled **KESENIAN RODAT DI HULU TERENGGANU** is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

---

Date submitted

---

Mohamed Shaharuddin Bin Soh Azmy (42166)

**Supervisor's Declaration:**

I **EN ALEXANDER AK CHELUM** hereby certifies that the work entitled **KESENIAN RODAT DI HULU TERENGGANU** was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \* partial/full fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED AND CREATIVE ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT)**, and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: \_\_\_\_\_  
(En Alexander Ak Chelum)

Date: \_\_\_\_\_

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (\)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*  
 **RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)\*  
 **OPEN ACCESS**

#### **Validation of Project/Thesis**

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature \_\_\_\_\_  
(Mohamed Shaharuddin B. Soh Azmy)

Supervisor signature: \_\_\_\_\_  
(En Alexander Ak Chelum)

Current Address:  
**PERUMAHAN KILANG SAWIT JERANGAU,**  
**21820 AJIL, TERENGGANU.**

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

## PENGESAHAN

Projek bertajuk '**Kesenian Rodat di Hulu Terengganu**' telah disediakan oleh **Mohamed Shaharuddin Bin Soh Azmy** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **Program Pengurusan Seni**.

Diterima untuk diperiksa oleh:

---

En. Alexander Ak Chelum  
Penyelia Program Pengurusan Seni

Tarikh:

## **PENGHARGAAN**

### ***Assalamualaikum dan salam sejahtera***

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, saya telah berjaya dalam menyempurnakan penulisan ilmiah ini. Dalam menyiapkan tulisan ilmiah ini, pelbagai halangan yang telah dihadapi namun Alhamdulillah, semuanya telah dapat saya siapkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada En. Alexander Ak Chelum yang merupakan penyelia projek tahun akhir atas segala nasihat, dorongan, bantuan dan keprihatinan serta memberikan layanan yang baik terhadap saya semasa menyempurnakan tesis ini. Bimbingan, pandangan dan tunjuk ajar yang dihulurkan oleh penyelia saya banyak membantu kepada kejayaan tesis ini. Tidak lupa juga kepada semua pensyarah-pensyarah Jabatan Seni Liberal, Program Pengurusan Seni, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif yang telah banyak memberikan nasihat dan tunjuk ajar. Semoga kalian dilindungi oleh-Nya.

Terima kasih kepada kedua ibu bapa saya En. Soh Azmy Bin Sulong dan Pn. Zakinah Binti Abdul Ghani yang merupakan tonggak utama dalam menyiapkan tesis saya kali ini. Dengan dorongan dan doa kesejahteraan serta pemberian kata-kata semangat, tesis ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Tanpa mereka siapalah kita. Buat ibu bapa saya yang tersayang semoga sentiasa dilindungi Allah S.W.T. Segala kasih sayang yang dicurahkan tidak dapat dibalas oleh anakanda. Segala jasa ibu dan bapa tidak akan anakanda lupa, malah ia menjadi semangat untuk menempuh dugaan dan terus berjaya hingga ke akhirat.

Selain itu, tidak lupa juga buat informan yang telah ditemui bual oleh saya iaitu En Wahab Bin Ali dan Pn. Salbiah Binti Putih yang membantu saya untuk menyempurnakan tesis ini. Juga jutaan terima kasih buat pegawai Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Terengganu iaitu En Hasyrn Izzudin Bin Mohd Khairy kerana telah memberikan sedikit sebanyak info dan maklumat kepada saya dalam menjayakan tesis kali ini. Jutaan terima kasih juga buat penduduk di sekitar Hulu Terengganu terutamanya juga kerana memberikan kerjasama dalam menjawab borang kaji selidik dan menjawab dengan ikhlas dan teliti. Tanpa kerjasama dan maklumat yang diberikan oleh mereka, kajian ini tidak akan dapat disiapkan dengan sempurna dan jayanya.

Seterusnya buat rakan-rakan yang turut sama dalam membantu saya semasa menjalankan kajian. Semoga kita semua akan mencapai kejayaan yang cemerlang bersama-sama walaupun telah menempuh pelbagai kenangan manis dan pahit dalam menempuh kejayaan di menara gading ini.

Akhir kata, salam sayang dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat semua yang telah banyak memberikan dorongan, pandangan dan semangat kepada saya. Ampun dan maaf dipinta sekiranya terdapat kesalahan yang sengaja atau tidak sengaja yang telah dilakukan sepanjang menyiapkan kajian ini walau di mana jua. Sesungguhnya, yang baik itu datangnya dari Allah S.W.T dan yang buruk itu datangnya dari kesilapan diri saya sendiri.

***Kerjasama anda amat dihargai.***

***Sekian, Terima kasih.***

## **ABSTRAK**

Kajian ini adalah sebuah kajian mengenai kesenian rodat di Hulu Terengganu. Isu dalam kajian ini adalah mengenai kurangnya pengetahuan masyarakat tentang budaya ini. Seterusnya, pengkaji akan mengkaji kaedah pemeliharaan dalam kesenian tarian rodat. Ini boleh diterjemahkan melalui fakta hasil temu bual bersama-sama informan yang pakar dalam bidang ini dan disokong oleh fakta hasil pengedaran borang kaji selidik. Lokasi kajian adalah di sekitar daerah Hulu Terengganu dan Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Terengganu. Secara keseluruhannya, kajian ini dapat mencapai objektif melalui permasalahan kajian yang telah dianalisis oleh pengkaji dan dapat dijadikan sumber rujukan kepada pelbagai pihak terutama pelajar dan pengkaji masa akan datang.

## **ABSTRACT**

*This study is a study of Arts Rodat in Hulu Terengganu. The issue in this study is about the least knowledge about this culture. Next, researchers studying the methods of preservation in the right Arts of Rodat. This can be translated through the fact results interviews along the informan expert in this field and is supported distribution of questionnaire. Location is in the vicinity of Hulu Terengganu and Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Terengganu. Overall, this study is unable to achieve the objective through the research problems were analysed by researchers and can be used as a reference to various parties especially students and future researchers.*

## **ISI KANDUNGAN**

| <b>TAJUK</b>                        | <b>MUKA SURAT</b> |
|-------------------------------------|-------------------|
| HALAMAN TAJUK                       | I                 |
| BORANG PENGAKUAN PELAJAR            | II                |
| BORANG PENGESAHAN STATUS LAPORAN    | III               |
| PENGESAHAN DAN TANDATANGAN PENYELIA | V                 |
| PENGHARGAAN                         | VI                |
| ABSTRAK                             | VIII              |
| ABSTRACT                            | IX                |
| ISI KANDUNGAN                       | X                 |

## **BAB 1 PENGENALAN**

|                             |   |
|-----------------------------|---|
| 1.1 Pendahuluan             | 1 |
| 1.1.1 Latar Belakang Kajian | 1 |
| 1.2 Permasalahan Kajian     | 3 |
| 1.3 Objektif Kajian         | 4 |
| 1.4 Persoalan Kajian        | 4 |
| 1.5 Skop Kajian             | 4 |
| 1.6 Lokasi Kajian           | 5 |
| 1.7 Kepentingan Kajian      | 6 |

## **BAB 2 SOROTAN KESUSASTERAAN**

|     |                            |    |
|-----|----------------------------|----|
| 2.1 | Pengenalan                 | 8  |
| 2.2 | Kesenian Rodat             | 9  |
| 2.3 | Masyarakat                 | 10 |
| 2.4 | Pengenalan Hulu Terengganu | 11 |
| 2.5 | Kesimpulan                 | 11 |

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

|     |                         |    |
|-----|-------------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan              | 12 |
| 3.2 | Reka bentuk Kajian      | 12 |
| 3.3 | Kerangka Kajian         | 15 |
| 3.4 | Kawasan Kajian          | 18 |
|     | 3.4.1 Pemilihan Kawasan | 18 |
| 3.5 | Kaedah Pengumpulan Data | 19 |
|     | 3.5.1 Data Primer       | 19 |
|     | 3.5.1.1 Kualitatif      | 19 |
|     | 3.5.1.2 Kuantitatif     | 20 |
|     | 3.5.2 Data Sekunder     | 22 |
| 3.6 | Instrumen Kajian        | 23 |
| 3.7 | Rumusan                 | 25 |

## **BAB 4 ANALISA DATA**

|       |  |    |
|-------|--|----|
| 4.1   | Pengenalan   | 26 |
| 4.2   | Analisa Data   | 27 |
| 4.3   | Kualitatif   | 27 |
| 4.4   | Kuantitatif  | 29 |
| 4.5   | Pengetahuan Masyarakat Hulu Terengganu Terhadap Kesenian Rodat.  | 31 |
| 4.6   | Bahagian A : Maklumat Responden                                  | 32 |
| 4.6.1 | Jantina  | 32 |
| 4.6.2 | Umur   | 33 |
| 4.6.3 | Bangsa   | 34 |
| 4.7   | Bahagian B : Tahap Pengetahuan Terhadap Kesenian Rodat           | 35 |
| 4.7.1 | Adakah Anda Tahu Apa Itu Rodat.                                  | 35 |
| 4.7.2 | Adakah Anda Pernah Menyaksikan Persembahan Rodat.                | 37 |
| 4.7.3 | Adakah Anda Pernah Menyertai Persembahan Rodat.                  | 40 |
| 4.7.4 | Adakah anda pernah menyertai acara kesenian lain selain rodat.   | 42 |
| 4.7.5 | Adakah anda pernah didedahkan tentang kesenian rodat di sekolah. | 45 |
| 4.7.6 | Adakah anda berminat menyertai persembahan rodat.                | 47 |

|       |  |    |
|-------|--|----|
| 4.7.7 | Adakah Kesenian Tarian Rodat Ini Masih<br>Aktif di Tempat Anda.                      | 49 |
| 4.7.8 | Adakah Kesenian Rodat Ini Mempunyai<br>kepentingan Bagi Anda.                        | 51 |
| 4.8   | Kaedah Pemeliharaan Kesenian Rodat   | 53 |
| 4.8.1 | Membuat pertandingan Rodat sebagai Acara tahunan<br>di setiap kampung-kampung.       | 54 |
| 4.8.2 | Adakah anda bersetuju jika tarian dan lagu dalam<br>Tarian Rodat ini diubah.         | 56 |
| 4.8.3 | Kesenian budaya Rodat ini haruslah dipupuk sejak bangku<br>persekolahan              | 58 |
| 4.8.4 | Golongan muda harus terlibat secara langsung dalam<br>persesembahan Rodat ini.       | 60 |
| 4.8.5 | Menubuhkan organisasi yang bertanggungjawab<br>dalam menguruskan Kesenian Rodat ini. | 62 |
| 4.8.6 | Mencipta pasukan dalam persembahan rodat di setiap<br>kampung.                       | 64 |
| 4.8.7 | Adakah Kesenian Tarian Rodat ini perlu dikekalkan untuk<br>generasi akan datang?     | 66 |
| 4.9   | Kesimpulan   | 67 |

## **BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

|         |   |    |
|---------|---|----|
| 5.1     | Pendahuluan   | 69 |
| 5.2     | Perbincangan  | 70 |
| 5.3     | Penemuan Kajian   | 72 |
| 5.4     | Cadangan  | 73 |
| 5.4.1   | Cadangan Pengkaji   | 74 |
| 5.4.1.1 | Cadangan kepada Masyarakat  | 74 |
| 5.4.1.2 | Cadangan kepada pihak sekolah dan pendidikan                                | 75 |
| 5.4.1.3 | Cadangan kepada Jabatan Kesenian dan<br>Kebudayaan Negeri Terengganu (JKKN) | 75 |
| 5.4.1.4 | Cadangan Kepada Pengurusan Kesenian Rodat                                   | 76 |
| 5.4.1.5 | Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang  | 76 |
| 5.4.2   | Cadangan Responden  | 77 |
| 5.5     | Kesimpulan  | 78 |
|         | <b>RUJUKAN</b>  | 79 |
|         | <b>LAMPIRAN</b>   | 81 |

## **SENARAI RAJAH**

|          |  |    |
|----------|--|----|
| Rajah 1  | Reka Bentuk Kajian   | 14 |
| Rajah 2  | Kerangka Kajian  | 17 |
| Rajah 3  | Jantina  | 32 |
| Rajah 4  | Umur   | 33 |
| Rajah 5  | Bangsa   | 34 |
| Rajah 6  | Adakah Anda Tahu Apa Itu Rodat?  | 35 |
|          | Rajah 6.1 Perbandingan Umur  | 36 |
| Rajah 7  | Adakah Anda Pernah Menyaksikan Persembahan Rodat?                        | 37 |
|          | Rajah 7.1 Perbandingan Umur  | 38 |
| Rajah 8  | Adakah Anda Pernah Terlibat Dalam<br>Mempersembahkan Kesenian Rodat?     | 40 |
|          | Rajah 8.1 Penglibatan Umur   | 41 |
| Rajah 9  | Adakah Anda Pernah Menyertai Mana-Mana<br>Acara Persembahan Selai Rodat? | 42 |
|          | Rajah 9.1 Penglibatan Umur   | 43 |
| Rajah 10 | Adakah Anda Pernah Didedahkan Tentang Kesenian<br>Rodat Di Sekolah?      | 45 |
|          | Rajah 10.1 Penglibatan Umur  | 46 |
| Rajah 11 | Adakah Anda Berminat Untuk Menyertai<br>Persembahan Rodat?               | 47 |
|          | Rajah 11.1 Penglibatan Umur  | 48 |
| Rajah 12 | Adakah Kesenian Tarian Rodat ini Masih Aktif<br>di Tempat Anda?          | 49 |
|          | Rajah 12.1 Penglibatan Umur  | 50 |

|            |  |    |
|------------|--|----|
| Rajah 13   | Adakah Rodat Ini Mempunyai Kepentingan<br>Bagi Anda?                                 | 51 |
| Rajah 13.1 | Penglibatan Umur   | 52 |
| Rajah 14   | Cadangan Membuat Pertandingan Rodat Sebagai<br>Acara Tahunan Di Setiap               | 54 |
| Rajah 15   | Adakah Anda Bersetuju Jika Tarian Dan Lagu<br>Dalam Kesenian Rodat Ini Diubah?       | 56 |
| Rajah 16   | Kesenian Budaya Rodat Ini Haruslah Dipupuk Sejak<br>Bangku Persekolahan.             | 58 |
| Rajah 17   | Golongan Muda Harus Terlibat Langsung Dalam<br>Persembahan Rodat.                    | 60 |
| Rajah 18   | Menubuhkan Organisasi Yang Bertanggungjawab<br>Dalam Menguruskan Kesenian Rodat Ini. | 62 |
| Rajah 19   | Mencipta Pasukan Dalam Persembahan Rodat Di<br>Setiap Kampung.                       | 64 |
| Rajah 20   | Adakah Kesenian Tarian Rodat Ini Perlu Dikekalkan<br>Untuk Generasi Akan Datang.     | 66 |

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Kesenian rodat merupakan kesenian tarian tradisional yang sering digunakan dalam acara-acara seni persembahan di Terengganu. Rodat dimainkan dalam masyarakat Melayu di Terengganu sebagai suatu pertunjukan adat dan tarian Melayu. Hal ini menyebabkan pengkaji ingin menyelidik tentang pengurusan kesenian rodat di Terengganu. Dalam kajian ini, pengkaji mengenalpasti masalah atau isu yang terkini yang dihadapi kesenian rodat ini pada masyarakat di Hulu Terengganu. Penyelidik juga ingin mengkaji tentang sejauh manakah pengetahuan masyarakat terhadap rodat ini.

##### **1.1.1 Latar belakang**

Kesenian rodat ini adalah sejenis seni persembahan tarian pada masyarakat Terengganu. Menurut Umi Abdullah(2003) dalam buku siri mengenal budaya rodat, rodat merupakan hiburan tradisi yang mempunyai fungsi sosial berhubung dengan pengisian kehidupan bermasyarakat. Pantun dan sajak yang dinyanyikan dalam persembahan rodat mempunyai peranan dan pengaruh yang signifikan. Dalam konteks ini, pantun dikonsepsikan sebagai satu bentuk nasihat, adat, berbudi bahasa, jenaka, kasih sayang yang disampaikan dalam bahasa yang berirama serta indah dan mengasyikkan.

Menurutnya lagi, Seni warisan pusaka nenek moyang ini telah mengalami pelbagai perkembangan dan pembaharuan. Daripada sudut sejarahnya pula, hingga ke hari ini tiada satu pun catatan yang dapat membuktikan bila dan dari mana asalnya

rodat yang telah wujud di negara ini amnya dan di negeri Terengganu khasnya. Hal ini demikian dapat ditafsirkan bahawa kesenian rodat ini sukar untuk mendapat asal usul rodat ini.

Walaupun begitu, menurut satu catatan Buletin Warisan(Mac 1979) dalam buku siri mengenal budaya rodat, Persatuan Sejarah Malaysia Terengganu ada menyebut bahawa di awal abad ke-19 didapati telah ada pedagang-pedagang dari Sambas dan Puntianak telah datang ke Terengganu untuk membeli budu, Songket serta perkakas. Anak-anak kapal berkumpul dalam kumpulan lebih kurang 20 orang sambil menyanyi-nyanyi (rodat) diiringi dengan sebuah alat muzik yang dipanggil rebana tar hingga lewat malam. Alunan lagu (rodat) serta suara lunak bersama-sama tepukan alat muzik tersebut, telah menarik penduduk tempatan (Terengganu) untuk mempelajari persembahan ini sehingga ianya menjadi sebatи dan tersohor serta telah berkembang dalam masyarakat Terengganu khususnya.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, tarian rodat ini ditarikan oleh lelaki dan perempuan yang nyanyiannya diiringi dengan rebana. Dalam istilah Malaysia ia bermaksud tarian dan muzik yang berkaitan dengan nyanyian zikir. Gaya nyanyiannya secara bersahut-sahutan antara 12 kumpulan korus. EnsembeI rodat pula terdiri daripada tar rodat, iaitu rebana kercing.

Selain itu, menurut Jaja Ali(2011) dalam laman internet Dewan Budaya, Terletak di pantai timur, Semenanjung Malaysia, Terengganu, yang berkeluasan 12 955 kilometer dan dihuni masyarakat pelbagai kaum, merupakan antara negeri yang kaya dengan pelbagai adat dan budaya. Salah satunya ialah rodat yang merupakan tarian tradisi yang berkembang di Terengganu. Rodat mempunyai fungsi sosial

berhubung dengan pengisian kehidupan bermasyarakat. Pantun dan sajak yang dinyanyikan dalam persembahan rodat mempunyai peranan dan pengaruh yang signifikan.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengurusan kesenian rodat terhadap masyarakat di Hulu Terengganu. Dalam kajian ini, penyelidik dapat mengenal pasti masalah yang dihadapi dalam kesenian rodat ini. Antaranya menurut Irfan Abdullah(2013) dalam Jurnal wacana seni, pada era globalisasi kini, rodat ibarat "hidup segan, mati tak mahu" atau "ibarat telur di hujung tanduk." Hal ini jelas kerana ramai pemuda-pemudi tidak mengenali kesenian rodat. Malah mereka tidak berminat untuk mempelajarinya kerana mereka beranggapan kesenian tersebut ketinggalan zaman, tidak menarik dan hanya sesuai untuk golongan tua. Malah persembahan rodat dewasa ini, hanya dipersembahkan jika mendapat undangan dari pihak hotel atau kerajaan negeri Terengganu. Hal ini turut disokong oleh Wahab Bin Ali yang pernah berkhidmat selama 22 tahun dalam tarian rodat bahawa kesenian ini dipersembahkan oleh kebanyakan yang dah berumur dan sukar untuk mendapatkan khidmat remaja.

Di samping itu, menurut Rahimdin Zahari(2007) dalam utusan online pula, Pemeliharaan seni tradisional sering ditekankan bukan sahaja di Malaysia, tetapi di merata-rata dunia kebelakangan ini. Tetapi tidak banyak perbahasan mengenai mengapa kita harus memelihara seni persembahan tradisional, untuk siapa, dan dengan cara yang bagaimana. Dengan itu perkara ini tidak terjawab hingga sekarang

dan seharusnya ada pihak yang bertanggungjawab dalam mengemas kini sistem pemeliharaan dengan lebih cekap supaya ia kekal hingga ditelan zaman.

### **1.3 Objektif Kajian**

1. Menyelidik tentang pengetahuan kesenian rodat pada masyarakat Hulu Terengganu.
2. Mengkaji kaedah pemeliharaan dalam kesenian rodat.

### **1.4 Persoalan Kajian**

1. Sejauh manakah pengetahuan masyarakat Hulu Terengganu tentang kesenian Rodat ini?
2. Apakah kaedah untuk pemeliharaan dalam kesenian rodat?

### **1.5 Skop Kajian**

Skop kajian merupakan bidang kajian yang hendak dikaji dalam melakukan kajian. Dalam kajian ini, pengkaji akan membuat penyelidikan dalam bidang kesenian di Hulu Terengganu. Pengkaji akan menemu bual beberapa informan yang arif dan mempunyai pengalaman tentang kesenian rodat ini serta juga di tempat yang masih aktif mengenai persembahan budaya ini. Segala data yang diperoleh daripada informan akan dimasukkan ke dalam bab 4 iaitu analisa data.


Selain itu, pengkaji juga ingin bekerjasama dengan individu-individu yang pernah menjayakan kesenian rodat ini supaya pengkaji mudah untuk mendapatkan maklumat dan data dengan lebih cepat dan senang.

## 1.6 Lokasi Kajian

Lokasi kajian merupakan tempat penyelidik menjalankan kajian dalam mendapatkan maklumat dan data untuk dimuatkan dalam kerja dilakukan. Di bawah ini merupakan lokasi kajian kawasan yang dilakukan oleh pengkaji iaitu di sekitar Hulu Terengganu.

GAMBAR 1:

Peta Hulu Terengganu



Sumber : Kenali Daerah Hulu Terengganu  
<http://www.indahnyatrg.blogspot.my>

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian terhadap pengurusan kesenian rodat ini adalah amat berguna bagi tujuan pengetahuan. Berikut adalah kepentingan-kepentingan kajian :

### I. Kepentingan kepada pihak berwajib.

Hasil penilitian ini diharapkan agar pihak-pihak tertentu memberikan cadangan kepada seni persembahan rodat ini supaya seni rodat ini kekal hingga sepanjang zaman. Selain itu pihak berwajib juga haruslah meneliti agar dapat mengambil langkah untuk terus maju dalam menjaga seni warisan di negara Malaysia.

### II. Kepentingan kepada golongan belia.

Wujudnya pengkajian ini, harapan pengkaji agar golongan belia dapat mengetahui dari segi pengetahuan, pemahaman dan pendapat untuk berubah ke arah memartabatkan lagi warisan dan budaya di Malaysia.

### III. Kepentingan kepada pihak pendidikan.

Pihak pendidikan haruslah mengambil tahu statistik tentang budaya dan warisan dalam kalangan masyarakat setempat. Hal ini kerana mereka adalah golongan yang penting dalam mendidik kanak-kanak semasa di sekolah. Mereka merupakan tonggak utama untuk memberikan pengetahuan asas tentang seni persembahan ini selain ibu bapa terutamanya di negeri Terengganu.

#### IV. Kepentingan kepada masyarakat.

Dalam penyelidikan ini, masyarakat akan mendapat pengetahuan dan penilaian terhadap kesenian rodat supaya tidak diancam kepupusan. Hal ini juga dapat menggambarkan bahawa rakyat Malaysia merupakan rakyat pencinta seni warisan seni persembahan tradisional ini hingga masa akan datang.

#### V. Kepentingan kepada pengkaji-pengkaji akan datang.

Apabila wujudnya kajian dan pendokumentasian dalam kajian pengurusan kesenian rodat ini maka ia boleh dijadikan bahan rujukan dan pengetahuan kepada pengkaji pada masa akan datang untuk membuat sebarang penyelidikan mereka. Hal ini demikian dapat membantu mereka dalam memudahkan pengkaji-pengkaji lain dalam membuat penyelidikan.

#### VI. Kepentingan kepada pengkaji sendiri.

Dengan adanya penyelidikan tentang kesenian rodat ini, pengkaji dapat memahami secara lebih meluas tentang pengetahuan, pemahaman dalam statistik serta cadangan dalam mengkaji tentang acara tarian rodat ini.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KESUSASTERAAN**

#### **2.1 Pengenalan**

Pengkaji telah merujuk beberapa sumber lepas seperti buku, jurnal dan artikel untuk mengkaji perkara yang sama dengan pengkaji serta membuat perbandingan dan memberikan idea-idea untuk pengkaji membuat penyelidikan. Idea-idea yang dikemukakan oleh beberapa penulis buku akan dikupas untuk mengembangkan lagi idea dalam penyelidikan ini.

Sehubungan itu, pengkaji akan membuat pengujian sama ada tajuk kajian ini pernah dikaji oleh pengkaji lepas terhadap kajian lepas atau belum serta berbeza atau sama daripada kajian lepas terhadap kajian yang akan dibuat pada masa akan datang. Hal ini dapat membuktikan bahawa kajian yang dijalankan adalah tidak mempunyai persamaan dengan pengkaji lain. Tambahan pula, dengan adanya sorotan kesusasteraan pengkaji dapat merangka konsep kerangka kerja kajian.

Melalui sorotan kesusasteraan ini, perbandingan kajian dapat dijalankan dengan lebih mudah dan teratur melalui sumber rujukan yang telah diperoleh. Hal ini kerana, buku-buku atau bahan yang digunakan sebagai sumber rujukan adalah perkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan oleh penyelidik iaitu kesenian rodat di Hulu Terengganu.

## **2.2 Kesenian Rodat**

Menurut Umi Abdullah(2003) dalam buku siri mengenal budaya rodat, rodat merupakan hiburan tradisi yang mempunyai fungsi sosial berhubung dengan pengisian kehidupan bermasyarakat. Pantun dan sajak yang dinyanyikan dalam persembahan rodat mempunyai peranan dan pengaruh yang signifikan. Dalam konteks ini, pantun dikonsepsikan sebagai satu bentuk nasihat, adat, berbudi bahasa, jenaka, kasih sayang yang disampaikan dalam bahasa yang berirama serta indah dan mengasyikkan.

Walaupun begitu, menurut satu catatan Buletin Warisan(Mac 1979) dalam buku siri mengenal budaya rodat, Persatuan Sejarah Malaysia Terengganu ada menyebut bahawa diawal abad ke-19 didapati telah ada pedagang-pedagang dari Sambas dan Puntianak telah datang ke Terengganu untuk membeli budu, Songket serta perkakas. Anak-anak kapal berkumpul dalam kumpulan lebih kurang 20 orang sambil menyanyi-nyanyi (rodat) diiringi dengan sebuah alat muzik yang dipanggil rebana tar hingga lewat malam. Alunan lagu (rodat) serta suara lunak bersama-sama tepukan alat muzik tersebut, telah menarik penduduk tempatan (Terengganu) untuk mempelajari persembahan ini sehingga ianya menjadi sebatи dan tersohor serta telah berkembang dalam masyarakat Terengganu khususnya.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, tarian rodat ini ditarikan oleh lelaki dan perempuan yang nyanyiannya diiringi dengan rebana. Dalam istilah Malaysia ia bermaksud tarian dan muzik yang berkaitan dengan nyanyian zikir. Gaya

nyanyiannya secara bersahut-sahutan antara 12 kumpulan korus. Ensembel rodat pula terdiri daripada tar rodat, iaitu rebana kercing.

Tambahan pula, menurut Nasuruddin dalam bukunya yang bertajuk muzik tradisional Malaysia, kumpulan muzik dipimpin oleh seorang guru atau ketua kumpulan yang menyelaraskan rentak gendang dan keseragaman nyanyian di samping menandakan perubahan corak paluan gendang di penghujung lagu. Perkara ini menunjukkan maklumat-maklumat yang diperolehi secara ringkas oleh pengkaji dan maklumat-maklumat inilah dapat membantu pengkaji dalam menyiapkan hasil kajian ini.

### **2.3 Masyarakat**

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua(n.d.), sekumpulan orang yang hidup bersama di sesuatu tempat dengan cara-cara dan peraturan-peraturan tertentu. Hal ini jelas dengan konsep yang diberikan dalam kajian ini iaitu masyarakat yang terdapat di Hulu Terengganu.

Bagi Liem(2015) dalam sebuah laman web iaitu pengertian masyarakat, pengertian masyarakat iaitu sekumpulan orang yang terdiri dari pelbagai kalangan, baik golongan mampu ataupun golongan tidak mampu, yang tinggal di dalam satu wilayah dan telah memiliki hukum adat, norma-norma serta berbagai peraturan yang siap untuk ditaati. Hal ini jelas ternampak bahawa masyarakat itu mempunyai pelbagai jenis golongan seperti dalam kajian iaitu masyarakat yang terdapat di Hulu Terengganu.

## **2.4 Pengenalan Hulu Terengganu**

Mengikut laman sesawang portal rasmi kerajaan negeri Terengganu, Hulu Terengganu mempunyai keluasan sebanyak 264,025.60 hektar dan merupakan daerah yang terbesar daripada 7 daerah dalam negeri Terengganu.

Menurut Unga Said pula dalam laman sesawangnya iaitu Hulu Terengganu daerah warisan alam semula jadi, daerah Hulu Terengganu adalah kawasan berciri fizikal unik dengan sebahagian besar bahagian barat dipenuhi Empangan Tasik Kenyir. Sementara tumpuan penempatan penduduk adalah di lembangan subur sungai Terengganu di timur bersempadan Daerah Kuala Terengganu. Ia tidak mempunyai pantai, dipenuhi kawasan hutan hujan tropika. Daerah ini juga mempunyai warisan sejarah sebagai tapak penemuan batu bersurat Terengganu yang diiktiraf sebagai warisan dokumen dunia oleh UNESCO.

## **2.5 Kesimpulan**

Secara kesimpulannya dapatlah diringkaskankan bahawa dalam bab 2 ini, pengkaji telah menggunakan rujukan buku dan jurnal dalam bahan utama untuk membuat penyelidikan terhadap tajuk kajian iaitu pengurusan kesenian rodat terhadap masyarakat di Hulu Terengganu.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Metodologi kajian adalah salah satu kaedah ataupun langkah yang akan digunakan oleh pengkaji dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan yang berlaku dalam penyelidikan kajian ini. Hal ini demikian kerana penyelidik akan cuba untuk menghuraikan cara-cara yang akan digunakan dalam kajian ini iaitu berkaitan dengan pengurusan kesenian rodat terhadap masyarakat di Hulu Terengganu. Menurut kamus dewan edisi ketiga, metodologi ini telah membawa maksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan yang hendak dilakukan. Hal ini sangat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi menyiapkan penyelidikan hasil kajian.


#### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan kaedah pemerhatian atau tinjauan dan ia perlulah disokong dengan fakta yang terdapat melalui kaedah temubual. Selain itu,, dari segi secara umumnya kajian ini adalah mengenai kesenian rodat di Hulu Terengganu. Oleh itu, reka bentuk kajian ini dapat diterjemahkan melalui tinjauan yang dilakukan terhadap seni persembahan rodat ini.

Dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Pemilihan kaedah kualitatif adalah bertujuan untuk menemu ramah beberapa informan yang akan dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji akan menemu bual informan

yang terbabit dengan mengemukakan beberapa soalan yang berkaitan dengan pengurusan kesenian rodat terhadap masyarakat di Hulu Terengganu. Kaedah kualitatif ini dipilih kerana pengkaji ingin mengetahui dengan lebih tepat dan benar tentang kajian yang ingin dibuat. Selain itu, kajian kuantitatif adalah bertujuan untuk mengetahui statistik pengetahuan dan pemahaman masyarakat terhadap kesenian rodat ini. Fokus kajian ini adalah berkaitan dengan menyelidik tentang faktor yang menyebabkan pupusnya warisan kesenian rodat. Seterusnya pengkaji ingin mengenal pasti permasalahan pengurusan dalam seni persembahan rodat. Selain itu, pengkaji ingin menghuraikan maklumat tentang kesenian rodat kepada masyarakat serta mengkaji kaedah pemeliharaan dalam kesenian rodat.

Rajah 1  
Reka bentuk Kajian



### **3.3 Kerangka Kajian**

Kerangka kajian ini dilakukan beberapa langkah iaitu:

#### **Langkah 1 : Kajian Rintis**

Sebelum kajian ini diselidik, pengkaji telah melakukan kajian rintis terlebih dahulu untuk mengetahui lebih lanjut tentang tajuk yang ingin dikaji oleh pengkaji. Kajian rintis ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti kemunasabahan kajian sebenar yang akan dijalankan. Pengkaji menjalankan kajian rintis ini dengan merujuk kajian-kajian lepas, buku-buku ilmiah di CAIS Library Unimas, serta menggunakan carian di laman sesawang mengenai tajuk kajian yang akan dikaji oleh pengkaji. Kajian rintis ini sangat membantu pengkaji dalam memperoleh data atau maklumat yang digunakan.

#### **Langkah 2 : Rangka Kerja dan Reka Bentuk Kajian**

Dalam langkah kedua ini dapat menentukan rangka kerja kajian yang lebih baik dalam mengenal pasti pemboleh ubah-pemboleh ubah, instrumen kajian dan teknik analisis. Dengan ini, terdapat beberapa persoalan-persoalan kajian yang perlu dijawab iaitu :

- I. Sejauh manakah pengetahuan masyarakat Hulu Terengganu tentang kesenian Rodat ini?
- II. Apakah kaedah untuk pemuliharaan dan pemeliharaan dalam kesenian rodat?

### Langkah 3 : Kesimpulan dan Cadangan.

Seterusnya dalam langkah ketiga ini, dapatan dan kesimpulan akan digunakan untuk mencadangkan perkara-perkara yang boleh membantu dalam meningkatkan kaedah pengurusan kesenian rodat ini terutamanya pada permasalahan pengurusan untuk membantu pengurusan kesenian rodat ini lebih baik.

Selain itu, cadangan ini boleh digunakan oleh pihak yang terlibat contohnya JKKN dan badan-badan yang beroperasi dalam pengurusan kesenian Rodat ini dalam membaiki serta menjadikan sebagai bahan rujukan supaya dapat menampung kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti.

Di samping itu, pengkaji juga akan memasukkan segala cadangan-cadangan yang diperoleh daripada borang kaji selidik di lampiran belakang. Dengan adanya cadangan daripada borang kaji selidik ini, maka pengkaji akan mendapat pelbagai pandangan dan cadangan daripada responden yang menjawab di ruangan cadangan yang telah disediakan. Pengkaji juga berharap agar responden memberikan cadangan dalam borang kaji selidik untuk mengetahui cadangan dan sekali gus memudahkan kajian pengkaji.

Rajah 2

Kerangka Kajian



### **3.4 Kawasan Kajian**

Kawasan kajian yang telah dipilih oleh pengkaji dalam kajian ini ialah di Negeri Terengganu.

#### **3.4.1 Pemilihan Kawasan**

Skop kajian yang dijalankan dalam pemilihan kawasan adalah hanya di Negeri Terengganu iaitu daerah Hulu Terengganu serta di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Terengganu (JKKN). Hal ini demikian, pemilihan kawasan ini dilihat berdasarkan populasi yang mempunyai salah satu kesenian rodat yang hanya wujud di Negeri Terengganu supaya memudahkan kajian yang dijalankan oleh penyelidik dan mendapat sumber data yang mencukupi untuk membuat penyelidikan. Selain itu, kajian ini dipilih kerana penyelidik juga mengetahui lokasi kajian wujudnya kesenian rodat kerana penyelidik merupakan anak kelahiran di Negeri Terengganu.

Kawasan kajian yang berdekatan juga dapat membantu penyelidik membuat kajian dengan lebih berkesan serta dapat membantu pengkaji untuk lebih memahami tentang kawasan kajian bagi menjalankan penyelidikan berdasarkan sumber yang diperoleh tentang lokasi tersebut. Tambahan lagi, pengkaji memilih tempat ini kerana kesenian rodat ini hanya terdapat di negeri Terengganu sahaja.

### **3.5    Kaedah Pengumpulan Data**

#### **3.5.1    Data Primer**

Data primer adalah sumber data yang diperoleh langsung dari sumber asli.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif. Dengan ini terdapat beberapa kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data primer bagi kajian ini. Antara metode yang digunakan untuk mendapatkan data primer ini ialah:

##### **3.5.1.1    Kualitatif**

###### **1.    Kaedah Temu bual**

Kaedah temu bual merupakan satu cara utama yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dalam penyelidikan ini. Hal ini demikian adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang sahih dan jelas daripada pihak yang informan. Dengan menggunakan kaedah temu bual ini, akan membolehkan pengkaji mendapatkan hasil data yang dikaji tentang pengurusan kesenian rodat terhadap masyarakat di Hulu Terengganu. Dengan kaedah temu bual ini pengkaji harap segala maklumat yang diperolehi daripada pihak yang ditemu bual dapat membantu dalam kajian ini.

Di antara responden yang akan ditemu bual oleh pengkaji ialah seperti Pegawai Jabatan Kesenian dan Kebudayaan negeri Terengganu(JKKN), Pegawai Pendidikan Negeri Terengganu, individu yang terlibat dalam mempersembahkan seni rodat dan organisasi-organisasi yang masih wujud dalam seni persembahan rodat. Selain itu, disertakan oleh golongan-golongan yang terlibat secara langsung dan tidak

langsung dalam meneliti seni rodat ini. Antaranya Wahab Bin Ali dan Salbiah Binti Putih yang merupakan ahli yang pernah bergiat dalam kesenian rodat di Hulu Terengganu.

Pengkaji akan menyediakan soalan-soalan yang akan dikemukakan melalui temu bual adalah berkaitan pengetahuan terhadap kesenian rodat ini , dan soalan berkaitan pemeliharaan kesenian ini dan beberapa soalan yang berkaitan yang akan dikemukakan oleh pengkaji dalam penyelidikan ini.

### **3.5.1.2 Kuantitatif**

Analisis kualitatif pula lebih kepada pentafsiran terhadap data-data dan maklumat yang telah diperolehi dan biasanya data dan maklumat tersebut bukanlah dalam bentuk nombor mahupun angka. Menurut Marohaini Yusoff (2001), penyelidikan kualitatif tidak boleh dianggap sebagai pendekatan sampingan atau tambahan yang tidak memerlukan mainstream researcher memberi pertimbangan serius.

Kaedah analisis kuantitatif biasanya lebih digunakan terhadap data dan maklumat yang diperolehi melalui proses pemerhatian dan penyelidikan lapangan (Barbie, 2001 dan Nachmias,1996). Kaedah kedua yang digunakan oleh pengkaji adalah kaedah kuantitatif. Pengumpulan data adalah berbentuk angka. Borang soal selidik digunakan untuk menjawab persoalan kajian iaitu pengetahuan masyarakat terhadap kesenian rodat ini serta hal yang berkaitan juga seperti pemeliharaan kesenian ini. Data yang akan diperoleh akan dimasukkan di dalam SPSS untuk

mendapat nilai statistik. Oleh itu dapatan kajian dapat diukur daripada statistik tersebut.

Pengkaji akan mengemukakan sebanyak 250 borang kaji selidik dan akan diedarkan pada masyarakat sekitar daerah Hulu Terengganu yang merupakan lokasi kajian pengkaji. Borang kaji selidik ini dikhaskan untuk golongan belia dari tahun 15 hingga 40 tahun di Hulu Terengganu. Namun begitu, golongan dewasa dari tahun 41 hingga 50 tahun dan warga emas iaitu dari 50 tahun ke atas juga diperlukan bagi menyelidik tentang pengetahuan berdasarkan kesenian rodat ini dan pemeliharaan kesenian tarian ini. kaedah yang digunakan pada bahagian A iaitu pengetahuan masyarakat terhadap kesenian rodat ini ialah ‘Ya’ dan ‘Tidak’. Dengan kenyataan seperti ini, ia akan memudahkan pengkaji untuk mendapatkan jawapan dengan ringkas dan padat dan ia berkait rapat dalam mendapatkan data tentang pengetahuan kesenian ini.

Seterusnya pada bahagian B iaitu kaedah pemeliharaan kesenian rodat ialah, pengkaji menggunakan teknik skala likert dengan meneliti lebih lanjut dan terperinci mengenai kaedah pemeliharaan ini. Contohnya Seperti : -

| Tajuk | Sangat tidak setuju | Tidak setuju | Tidak pasti | Setuju | Sangat Setuju |
|-------|---------------------|--------------|-------------|--------|---------------|
|       | 1                   | 2            | 3           | 4      | 5             |
|       | 1                   | 2            | 3           | 4      | 5             |
|       | 1                   | 2            | 3           | 4      | 5             |

Oleh itu, kesemua borang kajian yang telah diedarkan akan diproses untuk penapisan dalam membuat pengasingan di antara borang kaji selidik yang lengkap dengan tidak lengkap. Seterusnya borang yang lengkap ditapis dan diteliti akan dimasukkan dan dianalisa dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)*. Borang yang tidak lengkap akan dibaiki dan diedarkan kembali kepada responden untuk mendapatkan data yang lebih tepat berdasarkan kuota pengedaran borang kaji selidik.

### **3.5.2 Data Sekunder**

Data sekunder adalah data yang diperoleh daripada bahan ilmiah seperti buku, manuskrip, jurnal, artikel termasuklah kajian-kajian lepas. Data sekunder tidak terhad pada bahan bacaan cetakan malah laman sesawang juga adalah data sekunder. Data sekunder penting untuk mengkaji membuat bahan rujukan agar tiada wujud unsur plagiat hasil kerja pengkaji-pengkaji lepas. Selain itu, data sekunder akan digunakan untuk menyokong dapatan kajian yang akan dijalankan pengkaji sendiri. Data sekunder juga digunakan sebagai bahan rujukan untuk mengenal pasti perbandingan teori sama ada sama atau tidak berdasarkan hasil dapatan kajian-kajian lepas.

Data-data sekunder juga boleh didapati di :

- Buku/ Kertas kerja/ Artikel dan lain bahan bercetak

Sumber bertulis juga memainkan peranan dalam membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat untuk membuat sesuatu penyelidikan. Hal ini kerana, masih

terdapat banyak maklumat yang tidak dapat diperoleh pengkaji sekiranya penyelidikan dijalankan hanya berdasarkan kepada dapatan maklumat dari sumber primer.

Oleh kerana pengkaji lebih mementingkan kesenian rodat di Hulu Terengganu, maka data sekunder dalam penyelidikan ini lebih kepada bahan rujukan berkaitan dengan laporan-laporan rasmi, garis panduan, buku ilmiah serta jurnal-jurnal yang berkaitan dengan penyelidikan ini.

### **3.6 Instrumen Kajian**

Semasa proses kajian ini berjalan, beberapa peralatan atau instrumen kajian telah digunakan bagi membantu di dalam proses merekod dan mendapatkan data dan maklumat kajian. Antara bentuk instrumen kajian ialah.

#### I. Perakam suara

Pengkaji akan menggunakan perakam suara semasa temu bual dengan pemberi maklumat atau responden dijalankan. Hal ini bertujuan merekod maklumat yang disampaikan oleh pemberi maklumat tanpa berlakunya tokok tambah semasa maklumat dicatat. Ia boleh dijadikan bahan bukti yang kukuh jika dapatan kajian dipertikaikan.

#### II. Kamera digital

Kamera digital digunakan dalam kajian ini untuk tujuan pendokumentasian dan bahan bukti yang akan disertakan pada lampiran

kajian. Instrumen ini juga berfungsi sebagai bahan bukti pengkaji menemu bual dengan responden. Gambar-gambar yang diambil juga mempunyai data dan maklumat berkaitan pengurusan kesenian rodat ini.

### III. Laptop

Selain itu, penggunaan laptop juga turut akan digunakan dalam penyelidikan pengkaji. Hal ini demikian kerana pengkaji akan cuba untuk mendokumentasikan setiap maklumat yang diperoleh daripada hasil dapatan semasa proses kajian untuk penyelidikan.

### IV. Buku catatan

Instrumen ini digunakan bagi membuat catatan serta merekodkan data dan maklumat yang diperoleh melalui percakapan oleh responden. Data-data dalam buku catatan bersifat sementara sebelum ianya direkodkan dalam laptop.

### V. Borang soal selidik

Borang soal selidik pula akan digunakan kepada responden sebagai teknik pengumpulan maklumat dan mengukuhkan lagi dapatan kajian. Hal ini kerana, pengkaji ingin mendapatkan data terhadap persepsi masyarakat di Kota Samarahan.

### VI. Perisian *Statistical Product and Service Solution* (SPSS)

Perisian ini digunakan pada komputer pengkaji yang digunakan oleh pengkaji. Semua pengumpulan data kuantitatif akan dimasukkan

menggunakan SPSS untuk memudahkan pengkaji mendapatkan keputusan statistik hasil daripada data analisis.

### **3.7 Rumusan**

Dalam kajian metodologi ini, pengkaji dapat mempelajari semua kaedah yang telah digunakan oleh pengkaji secara lebih mendalam dan terperinci kerana pengkaji mempraktikkan sendiri kaedah tersebut.

Secara keseluruhannya maklumat atau data yang diperoleh daripada bab ini membolehkan pengkaji membuat dapatan kajian dalam bab 4 nanti. Di samping itu, melalui bab ini juga pengkaji membuat lakaran menjalankan awal metodologi serta pengkaji mampu menjalankan penyelidikan dengan sistematik iaitu sampel yang ditetapkan dalam judul ini adalah penting dalam mengutip data.

## **BAB 4**

### **ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab empat ini menerangkan tentang beberapa hasil dapatan kajian yang diperoleh semasa menjalankan kajian lapangan iaitu mengenai Kesenian Rodat di Hulu Terengganu. Semasa menjalankan kajian ini pengkaji menggunakan dua kaedah iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif ini iaitu segala maklumat yang telah dikumpul adalah mengenai beberapa informal yang telah ditemu bual atau temu ramah oleh penyelidik bagi mendapatkan data sekali gus menjawab objektif kajian penyelidik. Manakala kaedah kuantitatif pula iaitu pengedaran borang kaji selidik berkaitan objektif kajian pengkaji.

Selain itu, dapatan kajian yang diperoleh adalah hasil daripada sumber data primer dan sekunder melalui maklum balas responden ketika ditemu bual dapat mengukuhkan lagi kajian dan dapat mengenal pasti cara Kesenian Rodat di Hulu Terengganu. Maklumat yang diperoleh ini hasil daripada kerjasama antara informan yang ditemu bual, responden melalui borang kaji selidik dan juga pensyarah.

## **4.2 Analisa Data**

Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Antara kaedah kualitatif ialah pengkaji telah mengumpul data melalui kajian lapangan dengan mengadakan temu bual bersama tiga orang informan yang mempunyai pengalaman dalam kesenian Rodat ini dan bertanggungjawab dalam memberikan maklumat serta keterangan berkaitan tajuk yang dipilih pengkaji iaitu Kesenian Rodat terhadap Masyarakat di hulu Terengganu. Borang kaji selidik juga amat penting dalam kajian ini.

## **4.3 Kualitatif**

### Kaedah Temu Bual

Dalam kaedah ini, penyelidik telah menemu bual seramai tiga orang informen yang terdiri daripada bekas pemain rodat seramai dua orang dan penyelidik juga menemu bual seorang informan daripada pegawai yang bertugas di Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Terengganu (JKKN) untuk mendapatkan maklumat mengenai Kesenian Rodat ini dengan lebih lanjut. Informan yang ditemu bual oleh penyelidik sangat memainkan peranan penting dalam memberikan maklumat dan data yang lebih tepat mengenai Kesenian Rodat di Hulu Terengganu. Antara individu yang ditemu bual oleh penyelidik ialah :

- Wahab B. Ali – Wahab bin Ali lebih dikenali sebagai Pak Wahab di Kampung Getang, Hulu Terengganu dan beliau juga menetap di kampung tersebut. Informan juga bekerja sebagai peneroka kelapa sawit dan berumur 61 tahun. Informan pernah berkhidmat selama 22 tahun dalam seni tari rodat ini iaitu 15 tahun sebagai penari dan 7 tahun sebagai pemain alat muzik.
- Salbiah Binti Putih – Menetap di Kampung Getang, Hulu Terengganu dan dikenali sebagai Puan Salbiah. Informan bekerja sebagai tukang jahit di kampung tersebut. Informan telah berkhidmat selama 10 tahun sebagai penari dalam tarian rodat.

Individu di atas merupakan antara ahli-ahli yang pernah berkhidmat dalam menjayakan Kesenian Rodat ini daripada pupus ditelan zaman pada masa dahulu. Selain itu, antara pegawai yang ditemu bual oleh pengkaji ialah En Hasry Izzudin Bin Mohd Khairy.

Informan merupakan pengarah di Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Terengganu. Pegawai ini bertanggungjawab dalam menguruskan Kesenian Rodat ini terus segar di mata masyarakat sehingga sekarang. Semasa proses ini, penyelidik telah memperoleh banyak maklumat dan data yang penting untuk kajian mengenai Pengurusan Kesenian Rodat.

#### **4.4 Kuantitatif**

##### **Borang Kaji Selidik**

Dalam kaedah pengedaran borang kaji selidik, pengkaji telah mengeluarkan sebanyak 250 borang kaji selidik. Borang kaji selidik ini telah diedarkan kepada masyarakat Hulu Terengganu bagi mendapatkan data melalui borang tersebut. Borang kaji selidik ini dikhaskan untuk golongan belia iaitu dari tahun 15 hingga 40 tahun di Hulu Terengganu. Namun begitu golongan dewasa dari tahun 41 hingga 50 dan warga emas iaitu 50 ke atas juga diperlukan bagi menyelidik tentang pengetahuan berdasarkan kesenian Rodat ini dan pemeliharaan bagi menjaga kesenian Rodat ini tidak ditelan zaman. Borang kaji selidik ini penting untuk pengkaji mendapatkan maklumat yang lebih lanjut dan menjawab segala pertanyaan dalam borang tersebut. Borang kaji selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian 1 ialah maklumat responden, bahagian 2 ialah tahap pengetahuan terhadap kesenian rodat dan bahagian 3 ialah cadangan dan saranan pemeliharaan kesenian rodat.

Semua soalan dalam borang kaji selidik ini diperoleh daripada informan hasil daripada sesi temu bual pengkaji. Segala perbincangan mengenai borang kaji selidik dimasukkan dalam bab 5 iaitu dalam perbincangan. Dari segi pemeliharaan pula, Pegawai JKKN iaitu En. Hasryn Izzudin Bin Mohd Khairy memberikan maklumat kepada pengkaji dan digunakan dalam borang kaji selidik ini. Pengkaji telah mengedarkan borang kaji selidik ini di lokasi kajian iaitu daerah Hulu Terengganu.

Setelah borang kaji selidik dikembalikan semula kepada pengkaji, pengkaji mendapati bahawa sebanyak enam borang kaji selidik rosak. Hal ini demikian

pengkaji mendapati bahawa responden tidak mematuhi arahan dengan menandakan lebih daripada satu jawapan. Selain itu, borang kaji selidik ini rosak kerana seramai dua orang responden tidak menjawab penuh dalam borang kaji selidik dan menunjukkan data yang tidak dapat di akses dalam sistem SPSS. Pengkaji telah memperbaharui dan mengedarkan semula borang kaji selidik ini kepada responden yang terdapat di Hulu Terengganu. Hal ini demikian pengkaji ingin mendapatkan data yang mencukupi seramai 250 borang kaji selidik supaya mendapat data yang lebih stabil.

#### **4.5 Pengetahuan Masyarakat Hulu Terengganu Terhadap Kesenian Rodat.**


Wahab atau lebih dikenali sebagai Pak Wahab berasal dari Kuala Berang, beliau menyatakan bahawa golongan muda zaman sekarang kurang tahu tentang kesenian turun temurun nenek moyang mereka padahal ia sangat terkenal dan sering dimainkan pada suatu masa dulu. Kini ia telah lupuk ditelan zaman kemungkinan disebabkan pelbagai kemasukan budaya dan sebab kesenian ini tidak lagi dimainkan. Selain itu, terdapat juga faktor lain yang menyebabkan rodat ini tidak lagi dimainkan. Segala faktor-faktor ini terdapat pada dapatan kajian ini.

Menurut Salbiah berumur 53 tahun juga berasal dari Kuala Berang, Rodat sekarang sudah mula tidak didengari lagi bukan di Hulu Terengganu sahaja tapi juga di daerah-daerah lain. Dulu ia sering dimainkan ketika ada majlis perkahwinan dan juga persembahan. Para-para pemain rodat turun padang untuk mempersembahkan Rodat ini malah ianya sangat meriah berbanding sekarang. Menurut beliau lagi, tiada lagi usaha untuk memperkenalkan rodat ini kepada golongan muda malah sekiranya ada, ia hanya terdapat pada segelintir kampung sahaja yang masih lagi memperjuangkan kesenian budaya Rodat ini. Di samping itu, menurutnya lagi acara kesenian ini jarang sekali dilakukan di Hulu Terengganu. Jika ada sekalipun ia tidak dapat menarik pengunjung yang ramai kerana mungkin ia adalah acara yang membosankan bagi golongan muda zaman sekarang.

## **4.6      Bahagian 1 : Maklumat Responden**

### **4.6.1   Jantina**


**Rajah 3 : Jantina**



Mengikut statistik Jantina di Daerah Hulu Terengganu berdasarkan borang kaji selidik yang dikeluarkan sebanyak 250, Sebanyak 109 orang iaitu lelaki bersamaan 44% manakala 56% diwakili oleh perempuan bersamaan 141 orang. Ini membuktikan bahawa dalam hasil dapatan kali ini, perempuan lebih ramai berbanding lelaki.

Selain itu, dapatan kali ini sangat membantu pengkaji dalam memperoleh data yang lebih tepat walaupun statistik penduduk di Hulu Terengganu lebih daripada 250 orang. Dengan adanya statistik ini, ia dapat mengukuhkan lagi kajian pengkaji.

#### 4.6.2 Umur



Profil umur di atas menampilkan beberapa corak yang tidak sama dengan peratus data yang dapat. Data umur mempunyai 15 hingga 40 tahun iaitu golongan belia, 41 hingga 50 tahun iaitu golongan dewasa, dan 51 tahun ke atas merupakan golongan warga emas. Data menunjukkan bahawa golongan belia iaitu 15 hingga 40 tahun sebanyak 75% bersamaan 187 orang, manakala golongan dewasa iaitu 18% bersamaan 44 orang dan 51 tahun ke atas iaitu golongan warga emas hanya 7% bersamaan 19 orang.

Hal ini jelas menampakkan bahawa golongan belia lebih ramai berbanding golongan dewasa serta warga emas. Hal ini demikian kerana pengkaji lebih mengkhususkan golongan belia dalam kajian ini untuk mendapatkan data yang menjawab permasalahan kajian. Selain itu, golongan dewasa dan warga emas juga

digalakkan dalam kajian kerana ingin mendapatkan pengetahuan yang menjawab objektif kajian yang dijalankan.

#### **4.6.3 Bangsa**

**Rajah 5 : Bangsa**

|       |        | Frequency | Percent |
|-------|--------|-----------|---------|
| Valid | Melayu | 250       | 100.0   |


Dalam kajian borang kaji selidik, pengkaji telah memasukkan bangsa termasuklah bangsa Melayu, Cina dan India. Hasil data yang dapat, majoriti Hulu Terengganu adalah kaum Melayu. Ini menunjukkan hanya kaum Melayu sahaja yang terdapat di daerah Hulu Terengganu berdasarkan pengedaran borang kaji selidik sebanyak 250 borang.

Hal ini demikian kerana kebanyakan yang diambil adalah di kampung-kampung dan di mana pengkaji sukar untuk berjumpa dengan bangsa lain. Selain itu, terdapat juga warga cina di pesisir bandar tetapi pengkaji juga sukar untuk mendapatkan data daripada responden tersebut kerana pelbagai faktor yang menyebabkan pengkaji hanya mendapat responden berbangsa Melayu sahaja.

## **4.7 Bahagian 2 : Tahap Pengetahuan Terhadap Kesenian Rodat**

### **4.7.1 Adakah Anda Tahu Apa Itu Rodat?**

**Rajah 6 :** Adakah anda tahu apa itu rodat?



Profil di atas menanyakan tentang adakah anda tahu apa itu rodat kepada masyarakat di Hulu Terengganu. Profil menunjukkan bahawa 40% yang menjawab ya ataupun tahu apa itu rodat bersamaan 100 orang manakala yang menjawab tidak adalah seramai 150 orang ataupun bersamaan 60%. Hal ini jelas bahawa menunjukkan ramai yang tidak tahu berbanding tahu terhadap kesenian budaya rodat ini.

Pengkaji telah melihat dari segi statistik umur bahawa yang menjawab tahu ialah kebanyakannya daripada golongan dewasa dan warga emas iaitu sebanyak 56 orang responden. Tetapi pada masa yang sama, golongan muda cenderung lebih banyak tidak tahu dalam statistik data mengenai rodat ini iaitu sebanyak 143 orang responden. Hal ini dapat dilihat dalam rajah 6.1 di bawah di mana statistik yang

ditunjukkan jelas terbukti bahawa golongan belia sememangnya tiada pemahaman tentang kesenian rodat.

**Rajah 6.1 : Perbandingan Umur**


|       |                  | Adakah anda tahu apa itu Rodat? |       | Total |
|-------|------------------|---------------------------------|-------|-------|
|       |                  | Ya                              | Tidak |       |
| Umur  | Bawah 40 tahun   | 44                              | 143   | 187   |
|       | 41-50 tahun      | 37                              | 7     | 44    |
|       | 51 tahun ke atas | 19                              | 0     | 19    |
| Total |                  | 100                             | 150   | 250   |

Ini jelas menunjukkan bahawa terdapat dalam permasalahan kajian, menurut Irfan Abdullah(2013) dalam Jurnal wacana seni, pada era globalisasi kini, rodat ibarat "hidup segan, mati tak mahu" atau "ibarat telur di hujung tanduk." Hal ini jelas kerana ramai pemuda-pemudi tidak mengenali kesenian rodat. Sebagai buktinya jelas ternampak bahawa golongan pemuda sememangnya tidak berminat untuk mengenali kesenian rodat ini.

Menurut Puan Salbiah, memang kebanyakannya golongan belia cenderung lebih ramai yang tidak tahu dan tidak mempunyai pemahaman terhadap kesenian rodat ini. Hal ini mungkin kerana terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan golongan belia tiada pemahaman terhadap kesenian ini.

#### **4.7.2 Adakah Anda Pernah Menyaksikan Persembahan Rodat?**

**Rajah 7 : adakah anda pernah menyaksikan persembahan rodat?**



Profil di atas berkenaan individu pernah menyaksikan persembahan rodat.

Hasil dapatan kajian bahawa seramai 39% bersamaan 98 orang yang menjawab ya atau pernah menyaksikan persembahan rodat ini. Manakala selebihnya iaitu 61% atau bersamaan 152 orang yang menjawab tidak ataupun tidak pernah menyaksikan persembahan rodat ini. Ini jelas terbukti bahawa lebih ramai yang tidak pernah menyaksikan persembahan rodat.

Data di atas berkait dengan adakah anda tahu apa itu rodat iaitu seramai 2 orang yang tahu mengenai rodat tetapi tidak pernah menyaksikan budaya rodat ini. Hal ini kerana mungkin individu tersebut hanya mendengar cerita daripada orang tua mengenai rodat ini walaupun tidak pernah sekalipun menyaksikan persembahan rodat. Selain itu, hubungan dengan data sebelum ini juga, majoriti golongan muda yang cenderung tidak pernah menyaksikan persembahan rodat ini malah mereka mungkin tidak mengambil tahu apakah itu rodat.

**Rajah 7.1 : Penglibatan Umur**

|       |                  | Adakah anda pernah menyaksikan persembahan Rodat? |       | Total |
|-------|------------------|---|-------|-------|
|       |                  | Ya  | Tidak |       |
| Umur  | Bawah 40 tahun   | 42  | 145   | 187   |
|       | 41-50 tahun      | 37  | 7     | 44    |
|       | 51 tahun ke atas | 19  | 0     | 19    |
| Total |                  | 98  | 152   | 250   |

Mengikut bukti statistik data yang dapat dilihat dengan antara umur dan penglibatan individu pernah menyaksikan persembahan rodat bahawa golongan belia lebih ramai menjawab tidak pernah lihat persembahan rodat iaitu seramai 145 orang responden. Manakala golongan dewasa menunjukkan peningkatan sebanyak 37 orang daripada selebihnya iaitu 44 orang yang menjawab ya atau pernah menyaksikan persembahan rodat. Bagi warga emas pula, kesemua responden menjawab pernah lihat persembahan rodat. Ini bermaksud bahawa golongan warga emas kesemuanya pernah menyaksikan kesenian persembahan rodat ini malah golongan muda lebih ramai tidak pernah menyaksikannya. Hal ini berkaitan juga dengan rajah 6 iaitu individu itu tahu apa itu rodat. Kebanyakannya individu yang tidak tahu atau tidak kenal apa itu rodat lebih menjawab tidak dan akan menjawab tidak juga di bahagian pernah menyaksikan persembahan rodat ini. Data ini telah menjawab permasalahan kajian pengkaji bahawa menurut Irfan Abdullah(2013) dalam Jurnal wacana seni, Hal ini jelas kerana ramai pemuda-pemudi tidak mengenali kesenian rodat. Malah mereka tidak berminat untuk mempelajarinya


kerana mereka beranggapan kesenian tersebut ketinggalan zaman, tidak menarik dan hanya sesuai untuk golongan tua.

Menurut Pak Wahab seorang pemain rodat, beliau menegaskan bahawa kebanyakan masyarakat sekarang memang secara realitinya tidak pernah menyaksikan persembahan rodat ini. Hal ini kerana persembahan rodat ini memang sangat jarang sekali diadakan. Kemungkinan ia tidak wujud pada golongan muda masa kini. Selain itu, beliau menegaskan lagi bahawa hanya satu tempat sahaja yang masih lagi membuat persembahan rodat walaupun ia tidak selalu dimainkan iaitu pada kawasan perkampungan getang jauh di pelusuk Kuala Berang. Hal ini demikian jelas bahawa ramai yang tidak pernah menyaksikan persembahan rodat kerana tiada lagi persembahan rodat yang dimainkan. Malah jika ada sekalipun iaitu di kampung getang sahaja serta masyarakat kampung tersebut lebih tahu mengenai rodat ini.

Menurut Puan Salbiah juga, beliau telah membesar di kampung getang dan merupakan pemain rodat semasa zaman muda-mudanya. Menurutnya bahawa kampung getang masih lagi aktif dengan persembahan rodat walaupun hanya mempersembahkan pada persembahan lebih kurang setahun sekali dan majlis kenduri kahwin. Walaupun begitu, menurut beliau tidak ramai yang menyaksikan persembahan rodat ini. Hanya segelintir masyarakat iaitu daripada golongan warga emas yang lebih suka menyaksikan persembahan ini. Menurutnya lagi semangat rodat ini masih kuat dalam dirinya walaupun sudah lama berkhidmat dalam kesenian rodat ini.

#### **4.7.3 Adakah Anda Pernah Menyertai Persembahan Rodat?**

**Rajah 8 :** Adakah anda pernah terlibat dalam mempersembahkan kesenian rodat?



Profil menjelaskan tentang individu yang pernah terlibat dalam mempersembahkan kesenian rodat. Statistik menunjukkan bahawa individu yang pernah terlibat dalam mempersembahkan kesenian rodat yang menjawab ya adalah sebanyak 5% bersamaan 13 orang. Data yang ditunjukkan ini adalah sangat sedikit berbanding selebihnya. Manakala individu yang tidak pernah terlibat dalam mempersembahkan kesenian rodat ialah sebanyak 95% bersamaan 237 orang. Ini menunjukkan bahawa statistik ini sangat tinggi berbanding yang pernah terlibat.

Pengkaji telah melihat dari segi dapatan kajian soal selidik, kebanyakan individu yang pernah ini adalah merupakan juga golongan warga emas. Statistik lain menunjukkan golongan belia hanya seorang responden yang pernah terlibat dalam mempersembahkan kesenian rodat ini. Data yang diperoleh ini berkait rapat dengan rajah 6 dan 7 di mana ia mempunyai hubung kait data. Hal ini dapat dibuktikan pada statisitik di bawah.

**Rajah 8.1 : Penglibatan Umur**

|       |                  | Adakah anda pernah menyertai persembahan Rodat? |       | Total |
|-------|------------------|---|-------|-------|
|       |                  | Ya  | Tidak |       |
| Umur  | Bawah 40 tahun   | 1   | 186   | 187   |
|       | 41-50 tahun      | 2   | 42    | 44    |
|       | 51 tahun ke atas | 10  | 9     | 19    |
| Total |                  | 13  | 237   | 250   |

Data ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan Puan Salbiah iaitu menurutnya sememangnya pemain-pemain rodat ini memang dari golongan warga emas yang menjadi penyambung kepada budaya tarian rodat ini. Sukar sekali untuk dapat melihat golongan dewasa apatah lagi belia yang mahu melibatkan diri dalam persembahan ini. Malah juga penontonnya dari kalangan warga-warga emas. Golongan belia ini sibuk dengan teknologi masa kini yang hanya membuang masa dengan membazir waktu.


Kenyataan di atas menunjukkan bahawa golongan belia tidak mungkin akan terlibat kepada penyambung generasi dalam mempersembahkan budaya tarian rodat ini. Golongan warga emas juga lebih menunjukkan diri dalam melibatkan diri kepada kesenian ini. Kenyataan Puan Salbiah jelas terbukti dalam rajah 8 di atas bahawa kebanyakan golongan emas sahaja yang masih melibatkan diri dalam kesenian ini.

Menurut Pak Wahab yang pernah terlibat dalam mempersembahkan rodat ini bahawa memang sukar untuk mendapatkan tenaga belia dalam untuk melibatkan diri dalam mempersembahkan kesenian rodat ini. Hanya kami ( golongan warga emas) yang mampu menghidupkan kembali persembahan tarian rodat ini. Hal ini demikian

menunjukkan warga emas banyak melibatkan diri dalam mempersembahkan rodat dan mengimbas kembali permainan ini pada zaman dulu.

#### **4.7.4 Adakah Anda Pernah Menyertai Acara Persembahan Lain Selain Rodat?**

**Rajah 9 :** Adakah anda pernah menyertai mana-mana acara persembahan selain rodat?



Profil di atas menjelaskan tentang individu yang pernah menyertai mana-mana acara persembahan lain selain persembahan rodat. Statistik menunjukkan bahawa seramai 64 orang bersamaan 26% yang menjawab ya ataupun pernah menyertai mana-mana acara lain selain rodat. Bagi yang menjawab tidak pernah ialah 186 orang bersamaan 74%. Hal ini jelas terbukti bahawa yang menjawab tidak pernah menyertai mana-mana acara persembahan selain rodat ialah paling ramai berbanding yang pernah.

Hal ini demikian menunjukkan pelbagai faktor yang menyebabkan golongan sekarang kurang bergiat aktif dalam kesenian ini. Pihak yang sedia ada dalam

memelihara kesenian ini haruslah bergiat aktif di setiap tempat dan perlu membuat segala jenis promosi dengan lebih kreatif supaya dapat penyertaan daripada pengunjung bukan sahaja di daerah Hulu Terengganu sahaja malah di peringkat negeri seterusnya ke peringkat antarabangsa.

**Rajah 9.1 : Penglibatan umur**

|                  | Adakah anda pernah menyertai mana-mana acara persembahan selain Rodat? |    |       | Total |
|------------------|--|----|-------|-------|
|                  |  | Ya | Tidak |       |
| Umur             |  |    |       |       |
| Bawah 40 tahun   |  | 44 | 143   | 187   |
| 41-50 tahun      |  | 15 | 29    | 44    |
| 51 tahun ke atas |  | 5  | 14    | 19    |
| Total            |  | 64 | 186   | 250   |

Data di atas menerangkan tentang kaitan umur dengan individu yang pernah menyertai mana-mana acara lain selain rodat. Kaitan umur di atas menunjukkan bahawa golongan belia lebih ramai menjawab tidak iaitu seramai 143 responden. Manakala Golongan dewasa juga ramai yang menjawab tidak dan sama dengan golongan emas. Selain itu, daripada hasil kajian statistik yang dibuat, di sini menunjukkan perubahan di mana golongan belia juga ada yang pernah menyertai acara kesenian lain selain persembahan rodat. Malah golongan belia juga lebih ramai berbanding golongan dewasa yang pernah menyertai acara kesenian lain selain rodat. Antara kesenian lain selain rodat ialah wayang kulit, dikir barat, mak inang, mak yong, dan sebagainya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kesenian rodat semakin pudar di mata masyarakat di Hulu Terengganu. Namun demikian masyarakat juga tidak melupakan kesenian lain yang masih lagi aktif dan dimainkan hingga kini.


Menurut keterangan yang diberikan oleh Pak Wahab, beliau telah memberi satu pandangan mengenai individu yang pernah menyertai mana-mana persembahan lain selain rodat. Beliau berpendapat bahawa bagi individu yang menyertai persembahan lain selain rodat itu adalah sesuatu yang bagus kerana ia merupakan salah satu faktor yang akan membantu masyarakat di negara kita supaya tidak lupa akan kesenian budaya dan warisan yang terdapat di negara kita. Beliau memberitahu lagi bahawa terdapat pelbagai persembahan lain lagi kesenian yang terdapat di negara kita selain rodat seperti zapin, dikir barat, wayang kulit, mak yong dan sebagainya.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa Pak Wahab memang pencinta budaya dan warisan di negara kita. Tidak salah lagi kerana beliau juga merupakan lapisan bangsa yang masih menaikkan lagi kesenian budaya dan warisan supaya tidak ditelan zaman. Seperti yang ditunjukkan pada rajah 9 juga, berkait rapat dengan 26% individu yang menyertai mana-mana persembahan lain selain rodat memiliki semangat juang seperti Pak Wahab yang diterangkan itu.

Puan Salbiah juga ada memberitahu bahawa masyarakat di Hulu Terengganu ini bukan sahaja bergiat dalam kesenian rodat sahaja, malah turut bergiat dalam kesenian lain seperti dikir barat, wayang kulit, mak yong dan sebagainya. Hal ini jelas menampakkan pada kesenian dikir barat yang masih lagi sangat aktif dan sering mengadakan persembahan pada acara-acara kesenian berlangsung. Menurut beliau lagi, acara kesenian ini akan menaikkan budaya dan warisan supaya tidak ditelan zaman. Kenyataan beliau jelas terbukti bahawa dengan adanya acara-acara kesenian yang bergiat aktif ini maka budaya dan warisan di Malaysia ini tidak mudah lupsus ditelan zaman.

#### **4.7.5 Adakah Anda Pernah Didedahkan Tentang Kesenian Rodat Di Sekolah?**

**Rajah 10 : Adakah anda pernah didedahkan tentang kesenian rodat di sekolah?**



Profil di atas memberitahu tentang individu pernah didedahkan tentang kesenian rodat di sekolah. Data menunjukkan kecenderungan pada jawapan ya ataupun pernah didedahkan kesenian rodat di sekolah iaitu sebanyak 8% bersamaan 19 orang. Malah lebih menunjukkan peningkatan pada data tidak atau tidak pernah didedahkan tentang kesenian rodat di sekolah iaitu 92% bersamaan 231 orang. Statistik jelas menunjukkan bahawa individu tidak pernah didedahkan maklumat ataupun informasi mengenai kesenian rodat di sekolah.

Hal ini demikian jelas menampakkan pihak sekolah tidak memainkan peranan yang penting dalam mendedahkan maklumat mengenai kesenian rodat ini. Disebabkan itu ramai golongan muda tidak mengambil peduli tentang pentingnya menjaga budaya dan warisan seperti rodat ini pada masa hadapan.

**Rajah 10.1 : Penglibatan umur**

|       | Adakah anda pernah didedahkan tentang Kesenian rodat di sekolah? |    |       | Total |
|-------|--|----|-------|-------|
|       |  | Ya | Tidak |       |
| Umur  | Bawah 40 tahun   | 18 | 169   | 187   |
|       | 41-50 tahun  | 0  | 44    | 44    |
|       | 51 tahun ke atas   | 1  | 18    | 19    |
| Total |  | 19 | 231   | 250   |


Menurut statistik penglibatan umur terhadap rajah 8 iaitu pernah didedahkan tentang kesenian rodat di sekolah ialah mempunyai banyak perbezaan. statisitik dapat dilihat pada golongan belia iaitu ramai dari golongan belia, dewasa dan warga emas memilih tidak pernah didedahkan tentang kesenian persembahan rodat ini di sekolah. Ini dapat dibuktikan bahawa mereka kurang pendedahan mengenai kesenian ini. Hanya segelintir golongan muda iaitu sebanyak 18 responden yang menjawab pernah dan seorang responden warga emas juga pernah didedahkan tentang kesenian rodat ini.

Menurut Pak Wahab selaku warga emas dalam hasil temu bual ini, beliau menyatakan bahawa beliau pernah juga didedahkan tentang kesenian rodat di sekolah pada ketika itu. Beliau menyatakan lagi bahawa kesenian rodat pada masa itu sungguh terkenal dan dijadikan sebagai salah satu acara persembahan yang selalu dipersembahkan. Menurutnya lagi berbeza dengan masa sekarang kerana rodat ini sudah tidak dimainkan lagi di kampung-kampung serta pendedahan ini juga tidak sampai ke pihak pendidikan terutamanya di Negeri Terengganu. Pak Wahab

mendakwa bahawa ini adalah salah satu faktor penyebab kepada warga belia kenapa golongan tersebut tidak mempunyai pendedahan yang khusus mengenai acara kesenian ini.

#### **4.7.6 Adakah Anda Berminat Untuk Menyertai Persembahan Rodat?**

**Rajah 11 :** Adakah anda berminat untuk menyertai persembahan rodat?



Graf yang terdapat pada rajah 9 memberitahu tentang individu yang berminat untuk menyertai persembahan rodat. Statistik menunjukkan bahawa individu yang berminat untuk menyertai persembahan rodat ialah seramai 87 orang bersamaan 35%. Manakala 65% bersamaan 163 orang tidak berminat untuk menyertai persembahan rodat. Statistik terbukti menunjukkan bahawa ramai individu tidak berminat untuk menyertai persembahan rodat. Tetapi menunjukkan peningkatan pada individu yang berminat untuk menyertai persembahan rodat.

Hal ini demikian bahawa ramai individu yang masih berminat untuk menyertai persembahan rodat. Statistik menunjukkan bahawa ada juga segelintir

golongan muda yang berminat dalam mempersembahkan kesenian rodat ini walaupun mereka tidak tahu apa itu rodat. Golongan dewasa juga menunjukkan minat untuk menyertai dalam persembahan rodat seperti yang ditunjukkan dalam borang kaji selidik ini namun masih ramai juga untuk memilih tidak berminat untuk menyertai dalam persembahan rodat. Statistik juga menjelaskan bahawa golongan warga emas masih berminat untuk menyertai dalam acara ini. Hal ini jelas dapat dibuktikan pada rajah 11.1 di bawah.

**Rajah 11.1 : Penglibatan umur**


| Umur             |  | Adakah anda berminat untuk menyertai persembahan Rodat? |       | Total |
|------------------|--|---|-------|-------|
|                  |  | Ya  | Tidak |       |
| Bawah 40 tahun   |  | 56  | 131   | 187   |
| 41-50 tahun      |  | 17  | 27    | 44    |
| 51 tahun ke atas |  | 14  | 5     | 19    |
| Total            |  | 87  | 163   | 250   |

Dalam mendapatkan data yang lengkap lagi, pengkaji juga sempat bertanyakan tentang model soalan seperti pada rajah 11 untuk mengetahui lebih lanjut tentang data tersebut. Menurut Puan Salbiah, beliau memberi pendapat bahawa beliau masih berminat untuk menyertai persembahan rodat ini jika masih diberi peluang untuk mempersembahkan lagi tentang kesenian ini. Hal ini demikian kerana beliau masih lagi mempunyai minat terhadap kesenian ini. Beliau menyatakan lagi bahawa golongan muda sekarang memang tiada minat lagi terhadap kesenian rodat ini. Salah satunya ialah kerana ia dianggap membosankan dan membuang masa. Hal ini sudah terbukti dalam rajah 11.1 bahawa pernyataan Puan Salbiah itu dianggap

betul bahawa golongan belia kurang minat terhadap kesenian ini. Mereka bukan sahaja tidak berminat dalam menyertai persembahan acara rodat ini namun untuk menghadiri persembahan ini jarang sekali. Kenyataan Puan Salbiah ini jelas terbukti dalam rajah 7 iaitu pernah menyaksikan persembahan rodat ini.

#### 4.7.7 Adakah Kesenian Tarian Rodat Ini Masih Aktif Di Tempat Anda?

**Rajah 12 :** Adakah kesenian tarian rodat ini masih aktif di tempat anda?



Graf di atas mengenai keaktifan kesenian tarian rodat di tempat individu. Statistik menunjukkan bahawa seramai 64 orang bersamaan 26% masih lagi rodat bergiat aktif di tempat mereka. Manakala seramai 186 orang bersamaan 74% tidak lagi aktif di tempat mereka. Jelas menunjukkan bahawa kebanyakan kesenian tarian rodat ini sudah tidak aktif di tempat responden data melalui kajian borang soal selidik.

Data yang ditunjukkan pada yang masih aktif itu hanya terdapat beberapa tempat sahaja. Terutamanya yang dilihat oleh pengkaji berkenaan tempat yang masih

aktif hanya satu tempat sahaja iaitu di Kampung Getang. Kebanyakan responden yang menjawab ya ialah berasal daripada kampung tersebut.

**Rajah 12.1 : Penglibatan umur**


|       | Adakah kesenian Tarian Rodat ini masih aktif di tempat anda? |    |       | Total |
|-------|--|----|-------|-------|
|       |  | Ya | Tidak |       |
| Umur  | Bawah 40 tahun   | 31 | 156   | 187   |
|       | 41-50 tahun  | 21 | 23    | 44    |
|       | 51 tahun ke atas   | 12 | 7     | 19    |
| Total |  | 64 | 186   | 250   |

Statistik jelas menunjukkan bahawa kebanyakan responden lebih menjawab tarian rodat ini tidak aktif di tempat mereka iaitu sebanyak 186 responden. Pengkaji juga dapat menganalisis bahawa golongan belia lebih menonjol dalam menjawab tidak lagi aktif kesenian rodat ini iaitu sebanyak 156 orang responden.

Hal ini demikian jelas terbukti dan menjawab permasalahan kajian pengkaji di mana kesenian menurut Antaranya menurut Irfan Abdullah(2013) dalam Jurnal wacana seni, pada era globalisasi kini, persempahan rodat dewasa ini, hanya dipersembahkan jika mendapat undangan dari pihak hotel atau kerajaan negeri Terengganu. Jelas terbukti bahawa kesenian ini kurang lagi aktif dan hanya mendapat undangan dari pihak kerajaan dan istana.

#### **4.7.8 Adakah Rodat Ini Mempunyai Kepentingan Bagi Anda?**

**Rajah 13 : Adakah rodat ini mempunyai kepentingan bagi anda?**



Data di atas mengenai kepentingan rodat kepada responden. Seperti graf di atas, bagi responden yang menjawab tidak setuju ialah sebanyak 3.6% bersamaan 9 orang, manakala statistik untuk responden yang menjawab tidak pasti ialah sebanyak 68.4% bersamaan 171 orang. Responden seterusnya yang menjawab setuju sebanyak 16% bersamaan 40 orang dan sangat setuju ialah sebanyak 12% bersamaan 30 orang responden. Ini jelas menunjukkan bahawa data yang tidak pasti ialah paling meningkat dan responden yang menjawab tidak mempunyai kepentingan ialah paling sedikit di dalam rajah 13.

Pengkaji telah menilai dari segi borang kaji selidik bahawa kebanyakan golongan belia yang menjawab tidak pasti dan tidak mempunyai kepentingan bagi mereka. Hal ini demikian kerana mereka tentu tidak mengetahui apakah itu rodat kepada mereka seperti yang ditunjukkan pada rajah 13. Oleh itu, mereka sememangnya tidak pasti bagi mereka adakah rodat ini penting.

**Rajah 13.1 : Penglibatan umur**

|      |                  | Adakah budaya rodat ini penting untuk anda? |             |        |               | Total |
|------|------------------|---|-------------|--------|---------------|-------|
|      |                  | Tidak Setuju                                | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju |       |
| Umur | Bawah 40 tahun   | 9   | 152         | 16     | 10            | 187   |
|      | 41-50 tahun      | 0   | 17          | 18     | 9             | 44    |
|      | 51 tahun ke atas | 0   | 2           | 6      | 11            | 19    |
|      | Total            | 9   | 171         | 40     | 30            | 250   |

Selain itu, golongan dewasa dan warga emas cenderung lebih menjawab setuju dan sangat setuju. Hal ini demikian kerana mereka lebih arif dan mempunyai pengalaman yang lebih luas berkenaan kesenian rodat ini. Seperti yang ditunjukkan pada rajah-rajab sebelum ini sememangnya golongan dewasa dan warga emas lebih menonjol dalam pengetahuan tentang kesenian rodat ini.

Menurut Pak Wahab, sememangnya rodat ini adalah sesuatu yang dianggap memberi kepentingan kepada masyarakat. Beliau menegaskan bahawa kesenian ini haruslah dijaga oleh masyarakat Terengganu supaya golongan kanak-kanak tahu mengenai kesenian ini. Walaupun ia dianggap sebagai tarian biasa tetapi mungkin dapat memberi manfaat kepada setiap lapisan masyarakat terutamanya masyarakat negeri Terengganu. Hal ini demikian menunjukkan bahawa kesenian ini juga dikatakan mempunyai kepentingan dan manfaat kepada setiap individu untuk menjaga kesenian ini.


#### **4.8 Bahagian 3 : Kaedah Pemeliharaan Dalam Kesenian Rodat.**

Kaedah pemeliharaan adalah kaedah yang sangat penting dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana kaedah ini yang akan membantu kesenian rodat ini supaya tidak pupus. Menurut En Hasrynn Izzudin bahawa kaedah pemeliharaan kesenian ini adalah satu kaedah yang akan dibendung daripada diancam kepupusan. Masyarakat juga haruslah memelihara dan melindungi kesenian rodat ini kerana ia merupakan identiti kesenian yang terdapat di Hulu Terengganu. Informan menegaskan lagi bahawa memelihara kesenian ini adalah penting supaya ia tidak pupus ditelan zaman. Hal ini demikian kerana kesenian ini susah lagi untuk masyarakat sekarang untuk melihat sendiri kesenian tarian rodat ini dipersembahkan.

Menurut Pak Wahab, memelihara ini adalah satu kaedah di mana kesenian ini haruslah dijaga supaya ia tidak rosak dan pupus oleh arus peredaran zaman. Pemeliharaan di sini dapat dilihat bahawa kesenian rodat penting dan haruslah dijaga supaya budaya rodat ini terus kekal di mata masyarakat.

#### **4.8.1 Cadangan Mengadakan Pertandingan Rodat Sebagai Acara Tahunan di Setiap Kampung.**

**Rajah 14 :** Cadangan membuat pertandingan rodat sebagai acara tahunan di setiap kampung.



Graf pada rajah 14 berkenaan tentang membuat pertandingan rodat sebagai acara tahunan di setiap kampung-kampung. Statistik di atas menunjukkan bahawa sebanyak 13% responden bersamaan 33 orang tidak setuju jika pertandingan rodat ini sebagai acara tahunan di setiap kampung-kampung. Manakala bagi data yang tidak pasti ialah sebanyak 24% bersamaan 60 orang responden lebih meningkat berbanding tidak setuju. Seterusnya bagi responden yang menjawab setuju ialah sebanyak 39% bersamaan 97 orang dan akhir sekali ialah data yang sangat setuju ialah sebanyak 24% bersamaan 60 orang responden. Ini menunjukkan persamaan statistik sangat setuju dengan statistik tidak pasti iaitu 24%. Dalam rajah 12 di atas jelas menunjukkan bahawa data yang tidak setuju lebih sedikit berbanding responden

yang menjawab setuju untuk membuat pertandingan rodat sebagai acara tahunan di setiap kampung-kampung.


Pengkaji telah menganalisis dalam borang kaji selidik iaitu golongan kebanyakannya responden yang menjawab setuju dan sangat setuju iaitu sebanyak 157 responden ialah dari golongan yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan tentang kesenian rodat ini. Selain itu termasuk juga golongan belia yang setuju dengan mengadakan pertandingan rodat sebagai acara kesenian tahunan di setiap kampung. Hal ini demikian kerana mereka mungkin ingin memulihara serta memelihara budaya tarian rodat ini tidak ditelan zaman yang serba canggih ini.

Selain itu, responden yang menjawab tidak pasti ialah golongan yang kurang pemahaman tentang kesenian tarian rodat ini. Malah sebanyak 33orang responden yang menjawab tidak setuju jika diadakan pertandingan rodat ini sebagai acara kesenian tahunan di setiap kampung. Ada juga sesetengah responden yang mempunyai pemahaman tentang rodat tetapi memilih tidak setuju untuk mengadakan pertandingan rodat ini.

Menurut En. Hasryn Izzudin B. Mohd Khairy yang merupakan seorang pegawai JKKN negeri Terengganu bahawa kesenian rodat dilakukan sebanyak setahun sekali di negeri Terengganu. Namun ia bukanlah mendorong setiap golongan untuk datang ke persembahan tersebut, hanya separuh iaitu kebanyakan daripada golongan yang berumur yang memeriahkan kesenian tersebut. Beliau juga mendorong pengkaji supaya menyatakan cadangan membuat pertandingan rodat sebagai acara tahunan di setiap kampung kepada responden untuk mendapat tindak balas daripada responden.

#### **4.8.2 Adakah Anda Bersetuju Jika Tarian Dan Lagu Dalam Kesenian Rodat Ini Diubah?**

**Rajah 15 :** Adakah anda bersetuju jika tarian dan lagu dalam kesenian rodat ini diubah?



Profil di atas menjelaskan tentang persetujuan jika tarian dan lagu dalam kesenian rodat ini diubah. Butiran yang telah dikenal pasti dalam mendapatkan data ialah statistik menunjukkan pada sangat tidak setuju sebanyak 13.6% bersamaan 34 responden manakala tidak setuju sebanyak 3.4% bersamaan 21 responden. Data ini lebih meningkat pada statistik tidak pasti iaitu 50% bersamaan 125 responden. Manakala setuju jika tarian dan lagu dalam kesenian rodat ini diubah ialah sebanyak 11.2% bersamaan 28 responden. Pada data yang sangat setuju pula adalah sebanyak !6.8% bersamaan 42 responden. Graf di atas jelas menunjukkan bahawa tidak psati

jika tarian dan lagu dalam rodat ini tidak diubah paling ketara berbanding setuju dan tidak setuju.

Mengikut analisa data daripada borang kaji selidik menunjukkan, responden yang menjawab tidak pasti adalah responden yang kurang tahu mengenai persembahan rodat ini. Bagi data yang tidak setuju dan sangat tidak setuju sebanyak 55 responden dan mereka tidak setuju jika tarian dan lagu dalam kesenian rodat ini diubah. Hal ini demikian jelas terbukti bahawa responden mahu mengekalkan tarian dan lagu yang sedia ada. Ini juga terbukti bahawa mereka ingin mengekalkan pemeliharaan tarian dan lagu tersebut supaya tidak dicemari faktor-faktor yang bercampur dalam kesenian ini.


Dari segi responden yang menjawab sangat setuju dan setuju ialah sebanyak 70 responden bersetuju jika tarian dan lagu dalam kesenian rodat ini diubah. Hal ini demikian kerana mengikut kajian data daripada borang kaji selidik bahawa responden yang menjawab berkenaan cenderung lebih bosan terutamanya golongan belia dan juga sesetengah golongan dewasa. Mereka lebih gemar membuat perubahan pada tarian dan lagu tersebut bercirikan kemodenan seperti acara kesenian tarian rodat yang telah dilakukan oleh Noor Arfa Craft Batik. Organisasi ini telah mengadakan acara rodat ini dengan mengubah corak tarian dan lagu iaitu corak tarian yang lebih pantas menurut alunan muzik dan menggunakan lagu Siti Nurhaliza iaitu Dondang Sayang. Dalam kesenian tersebut menurut JKKN, lebih ramai pengunjung yang datang termasuk golongan belia, dewasa mahupun warga emas.

Menurut En. Hasryn Izzudin, sememangnya perkara ini adalah sebagai salah satu faktor utama penyebab kepada masyarakat sebab mereka kurang datang ke

persembahan tersebut. Terutamanya golongan muda sememangnya jarang sekali dapat dilihat pada persembahan rodat ini. Pihak JKKN berpendapat bahawa lagu dan tarian rodat salah satu faktor menyebabkan golongan muda menjadi cepat bosan. Hal ini demikian kerana lagu dan tarian yang digunakan sangat klasik yang membuatkan mereka kurang faham dengan bahasa-bahasa klasik dan cepat mendatangkan kebosanan. Dengan itu, pihak JKKN mencari pelbagai alternatif untuk memelihara kesenian ini supaya tidak pupus.

#### **4.8.3 Kesenian Budaya Rodat Ini Haruslah Dipupuk Sejak Bangku Persekolahan.**

**Rajah 16 :** Kesenian budaya rodat ini haruslah dipupuk sejak bangku persekolahan.



Graf sebelah mengenai kesenian budaya rodat harus dipupuk sejak bangku persekolahan. Data yang ditunjukkan dalam graf pada bahagian tidak setuju ialah sebanyak 1.2% bersamaan 3 responden manakala tidak pasti kesenian rodat harus dipupuk sejak bangku persekolahan ialah seramai 56 responden bersamaan 22.4%. Pada bahagian setuju pula ialah 92 responden bersamaan 36.8% menunjukkan peningkatan. Manakala bahagian sangat setuju sebanyak 39.6% bersamaan 99 responden. Di sini dapat ditegaskan statistik pada bahagian sangat setuju paling meningkat di dalam graf di atas dan tidak setuju paling terendah.

Pengkaji telah melihat dari segi setuju dan sangat setuju kesenian budaya rodat ini haruslah dipupuk sejak bangku persekolahan adalah semua golongan. Hal ini demikian kerana walaupun ramai responden tidak tahu mengenai kesenian rodat ini, namun ia haruslah dipupuk sejak bangku persekolahan supaya ia tidak ditelan zaman sekali gus golongan belia mempunyai pemahaman tentang rodat ini. Masyarakat juga boleh nampak bahawa kesenian tarian rodat ini haruslah dipelihara dan dipelihara supaya ia dapat dikekalkan.

Bagi kenyataan yang tidak pasti ternyata telah dilihat kepada golongan terutamanya golongan belia di mana kebanyakan golongan ini yang paling banyak tidak mempunyai pengalaman dan pemahaman tentang rodat. Walaupun begitu, masih terdapat seramai 3 orang responden yang tidak bersetuju apabila kesenian budaya rodat ini harus dipupuk sejak bangku persekolahan.


Menurut informan iaitu En. Hasryn Izzudin, beliau memberi cadangan kepada pengkaji berkaitan kesenian budaya rodat ini haruslah dipupuk sejak bangku persekolahan. Hal ini merupakan salah satu alternatif pihak JKKN dalam memelihara

kesenian rodat ini supaya golongan belia mempunyai pemahaman terhadap kesenian rodat ini. Pihak JKKN juga mengadakan acara kesenian rodat ini di sekolah-sekolah tetapi hanya yang terpilih sahaja. Hal ini demikian kerana pihak JKKN sukar untuk mengadakan pelbagai kesenian lain kerana ia melibatkan sistem pendidikan kerajaan negeri. Di sini menampakkan Pihak JKKN mempunyai pelbagai kekangan dalam mempersembahkan acara rodat ini.

#### **4.8.4 Golongan Muda Harus Terlibat Secara Langsung Dalam Persembahan Rodat Ini.**

**Rajah 17 :** Golongan muda harus terlibat langsung dalam persembahan rodat.

■ Tidak Setuju ■ Tidak Pasti ■ Setuju ■ Sangat Setuju



Carta menjelaskan tentang golongan muda harus terlibat sama dalam persembahan rodat. Statistik menunjukkan bahawa responden yang menjawab tidak setuju adalah seramai 3% bersamaan 7 responden manakala statistik yang tidak pasti ialah sebanyak 15% bersamaan 37 orang. Selain itu, bagi responden yang menjawab

setuju untuk golongan muda terlibat sekali ialah seramai 92 responden bersamaan 37% manakala untuk sangat setuju pula adalah seramai 45% bersamaan 114 orang responden. Ini jelas menampakkan bahawa responden lebih memilih sangat setuju dan menunjukkan kecenderungan pada bahagian tidak setuju iaitu paling sedikit.

Pada bahagian analisis data borang kaji selidik menunjukkan responden yang memilih setuju dan sangat setuju adalah seramai 206 responden. Selain itu, semua golongan termasuklah golongan belia telah memilih golongan muda terlibat secara langsung dalam persembahan rodat. Hal ini demikian kerana mereka bersetuju dan merupakan salah satu alternatif supaya golongan muda menaikkan kesenian rodat supaya tidak dilupakan. Ia juga merupakan salah satu faktor yang dapat memelihara budaya rodat ini.


Di samping itu, seramai 44 orang responden yang menjawab tidak setuju dan tidak pasti golongan muda harus terlibat sama dalam acara kesenian ini. Bagi bahagian data yang tidak setuju, pengkaji mengandaikan bahawa kemungkinan responden menganggap rodat ini adalah suatu yang membosankan dan tidak menarik minat mereka. Disebabkan hal itu mereka lebih tidak menjawab tidak setuju dalam carta dalam rajah di atas.

Menurut Pak Wahab, beliau memberikan cadangan kepada golongan kepada golongan muda untuk turut serta dalam persembahan rodat. Perkara ini dapat mengukuhkan lagi hubungan silaturahim antara silaturahim antara satu sama lain ujarnya. Hal ini juga sebagai salah satu memelihara kesenian rodat ini kerana dengan penglibatan golongan belia ini akan menyebabkan penyebaran kesenian rodat ini

akan terus berleluasa hingga ke setiap daerah. Hal ini demikian kerana golongan muda adalah tunjang kepada negara.

#### **4.8.5 Menubuhkan Organisasi Yang Bertanggungjawab Dalam Menguruskan Kesenian Rodat Ini.**

**Rajah 18 :** Menubuhkan Organisasi yang bertanggungjawab dalam menguruskan kesenian rodat ini.



Graf di atas mengenai menubuhkan organisasi yang bertanggungjawab dalam menguruskan kesenian rodat. Dalam graf di atas terdapat bahagian tidak setuju yang dijawab oleh responden sebanyak 0.4% / 1% bersamaan 1 orang manakala draf yang tidak pasti ialah sebanyak 6% bersamaan 15 orang responden. Selain itu, terdapat juga seramai 83 responden bersamaan 33% yang menjawab setuju untuk menubuhkan organisasi yang bertanggungjawab dalam menguruskan kesenian rodat manakala responden yang menjawab sangat setuju ialah 60% bersamaan 151

responden. Jelas terlihat bahawa pada bahagian sangat setuju menunjukkan peratusan yang menaik berbanding tidak setuju yang paling sedikit.

Melalui hasil dapatan yang telah dilakukan oleh pengkaji, seramai 234 responden yang menjawab setuju dan sangat setuju. Ternyata kajian yang dilakukan ini adalah kebanyakannya daripada pelbagai belia serta termasuk juga golongan dewasa dan warga emas. Hal ini demikian kerana golongan pada setiap jenis peringkat umur ini juga memerlukan organisasi yang menjadi pelindung kepada acara kesenian rodat ini.

Selain itu, sebanyak 16 responden yang tidak pasti dan tidak setuju untuk menujuhkan organisasi yang bertanggungjawab dalam menguruskan kesenian rodat ini. Seperti dalam statistik golongan belia juga cenderung menjawab untuk tidak pasti dan tidak setuju. Hal ini demikian pengkaji membuat andaian bahawa golongan ini tidak ingin memelihara kesenian ini dan tidak mahu mengendahkan tentang kesenian rodat ini.


Menurut Puan Salbiah, salah satu cara untuk memelihara kesenian rodat ini supaya tidak ditelan zaman ialah dengan menujuhkan sebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam kesenian ini. Beliau menyatakan lagi kesenian ini tidak akan lagi terbuka pada orang awam sekiranya tidak menujuhkan organisasi lain selain JKKN walaupun JKKN merupakan organisasi di badan kerajaan.

Menurut pegawai JKKN iaitu En. Hasryn Izzudin, beliau bersetuju bahawa berhak menujuhkan sebuah organisasi yang berkaitan kesenian rodat ini supaya kesenian ini dapat berjalan dengan maju. Hal ini demikian juga adalah satu cara dari

seggi memelihara kesenian rodat ini supaya organisasi selalu mengadakan acara persembahan rodat ini.

#### **4.8.6 Mencipta Pasukan Dalam Persembahan Rodat Di Setiap Kampung.**

**Rajah 19 :** Mencipta pasukan dalam persembahan rodat di setiap kampung.



Statistik pada rajah 19 tentang mencipta pasukan dalam persembahan rodat di setiap kampung. Pernyataan graf telah menunjukkan bahawa peratusan responden yang tidak setuju ialah sebanyak 1.2% bersamaan 3 orang responden manakala peratusan bagi statistik yang tidak pasti ialah sebanyak 6% bersamaan 15 responden. Selain itu, bagi pernyataan setuju untuk mencipta pasukan dalam persembahan rodat di setiap kampung telah dijawab oleh responden sebanyak 34.4% bersamaan 86 manakala sangat setuju pula ialah sebanyak 58.4% bersamaan 146 orang responden. Dengan itu responden yang paling ramai dalam rajah 17 ialah sangat setuju dan

paling sedikit ialah tidak setuju terhadap penubuhan pasukan dalam persempahan rodat di setiap kampung.

Dalam kajian yang telah dibuat oleh pengkaji responden yang menjawab tidak setuju dan tidak pasti ialah seramai 18 orang responden. Oleh yang demikian pengkaji anggarkan bahawa responden memang tidak berminat jika pasukan rodat ini ditubuhkan . Bagi responden yang tidak pasti, kebanyakannya mereka memang tidak tahu sama sekali kesenian rodat. Ini jelas terlihat bahawa responden yang tidak setuju dan tidak pasti tidak mahu ambil tahu tentang kesenian ini malah tidak mempunyai kepentingan buat mereka.


Selain itu, antara responden yang setuju dan sangat setuju adalah seramai 232 orang responden untuk menubuhkan pasukan dalam kesenian tarian rodat di setiap kampung. Hal ini disebabkan oleh responden yang lebih mengutamakan pemeliharaan rodat ini dan ingin menjadikan acara kesenian rodat ini sebagai acara yang paling meriah dengan wujudnya pasukan termasuk golongan belia. Pengkaji beranggapan juga bahawa jika kesenian ini menjadi acara besar-besaran, ia boleh meningkatkan sumber ekonomi dengan adanya pelancong dari dalam dan luar negara yang datang untuk menyaksikan sendiri rodat ini dimainkan.

Menurut informan Pn. Salbiah, menubuhkan pasukan dalam kesenian rodat ini di setiap kampung dapat membantu rodat ini terus bergiat di kalangan masyarakat. Pasukan dalam kesenian ini hendaklah antara di golongan kampung sendiri. Hal ini demikian kerana menunjukkan setiap kampung mempunyai pasukan sendiri dalam kesenian ini. Selain itu, untuk menunjukkan lebih baik, adalah lebih baik jika pasukan tersebut daripada golongan belia-belia di setiap kampung tersebut.

Hal ini bagi Puan Salbiah adalah salah satu cara untuk memajukan kesenian rodat dan merupakan satu identiti bagi kampung tersebut.

#### **4.8.7 Adakah Kesenian Tarian Rodat Ini Perlu Dikekalkan Untuk Generasi Akan Datang.**

**Rajah 20 :** Adakah kesenian tarian rodat ini perlu dikekalkan untuk generasi akan datang.



Carta di sebelah tentang kesenian tarian rodat perlu dikekalkan untuk generasi akan datang. Statistik menunjukkan sebanyak 4% bersamaan 10 orang responden menjawab tidak pasti. Manakala statistik untuk setuju ialah sebanyak 19.2% bersamaan 48 orang responden. Selain itu, data yang seterusnya iaitu sangat setuju kesenian tarian rodat ini dikekalkan untuk generasi akan datang ialah sebanyak 192 orang responden bersamaan 76.8%. Data jelas menunjukkan bahawa sangat

setuju paling banyak responden pilih dan paling sedikit pada bahagian tidak pasti. Pada bahagian tidak setuju menunjukkan 0%, ini bermakna responden lebih memilih tidak pasti, setuju dan sangat setuju.

Dengan data yang telah dapat ini, pengkaji dapat menganalisis bahawa sangat setuju dan setuju kesenian tarian rodat ini perlu dikekalkan untuk generasi akan datang adalah seramai 240 orang responden. Hal ini demikian pengkaji dapat menganggarkan bahawa responden masih mempunyai nilai pemeliharaan dalam kesenian tarian rodat ini untuk generasi akan datang. Hal ini juga dapat ditafsirkan lagi dengan pelbagai golongan mahupun golongan belia untuk terus kekal memelihara budaya tarian rodat ini.

Pada pendapat En. Hasryn Izzudin bahawa kesenian ini sangat memberi kepentingan kepada mereka kerana ia merupakan kesenian budaya dan warisan di tempat mereka iaitu di negeri Terengganu. Adalah wajib untuk mereka mengekalkan kesenian rodat ini supaya tidak dilupakan oleh golongan akan datang.

#### **4.9 Kesimpulan**

Kesimpulannya, bab empat ini menjelaskan tentang analisa data yang diperoleh melalui data sumber dan data sekunder. Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa, berdasarkan hasil yang diperoleh daripada temu ramah dan hasil pengedaran borang soal selidik, pengkaji dapat menjawab objektif dan persoalan kajian ini iaitu kesenian Rodat di Hulu Terengganu.

Seterusnya melalui kaedah kualitatif dan kuantitatif yang dijalankan bersama tiga orang informan di mana informan merupakan pemain dan mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang luas berkaitan kesenian ini serta berserta 250 borang kaji selidik, pengkaji mendapat maklumat yang diperlukan dalam melengkapkan kajian ini. Sepanjang hasil temu ramah dan pengedaran borang soal selidik, para informan dan responden telah memberi kerjasama dengan baik dan banyak membantu pengkaji dalam menerangkan tentang pengetahuan berkenaan kesenian rodat ini.

## **BAB 5**

### **PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

#### **5.1 Pendahuluan**

Dalam bab ini, pengkaji akan menjelaskan dan merumuskan hasil kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji dari bab satu sehingga bab empat mengenai kesenian kesenian rodat di Hulu Terengganu. Hal ini demikian, hasil yang diperoleh dalam dapatan kajian akan terus menjawab secara keseluruhan objektif serta persoalan kajian yang dicungkil oleh penyelidik. Dalam bahagian tersebut pengkaji akan menyatakan tentang hasil yang diperoleh oleh pengkaji sepanjang menjalankan kajian di Hulu Terengganu serta pengkaji juga mengemukakan beberapa cadangan kepada masyarakat terutamanya berkenaan kesenian ini di Hulu Terengganu sebagai pandangan daripada pengkaji dan bertujuan untuk penambahbaikan kesenian ini pada masa akan datang.

Selain itu, dalam bab ini pengkaji turut memberikan cadangan dan pandangan daripada informan berkaitan kesenian rodat ini. Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah melakukan analisis berdasarkan maklumat yang dikumpul melalui data primer dan data sekunder iaitu menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Dalam kaedah ini pengkaji telah mendapatkan maklumat data primer melalui temu bual bersama dengan beberapa informan yang pakar dalam bidang ini dan pengkaji juga mengumpulkan data melalui pengedaran borang kaji selidik iaitu pada bahagian cadangan untuk mengetahui labih lanjut cadangan daripada responden tersebut. Oleh

itu, dalam bab lima ini pengkaji akan mengemukakan rumusan kajian dan beberapa cadangan yang berkaitan dengan kesenian rodat tersebut. Cadangan yang dikemukakan pengkaji adalah berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh daripada kajian yang dijalankan.

## **5.2 Perbincangan**

Dalam perbincangan tentang pengetahuan dan pemahaman berkaitan kesenian rodat di Hulu Terengganu pengkaji telah membincangkan tentang kedua-dua objektif kajian ini. Tujuan pengkaji melakukan perbincangan adalah untuk memperkuuhkan serta supaya pengkaji lebih memahami objektif kajian yang dijalankan. Antara objektif kajian ini ialah menyelidik tentang tahap pengetahuan kesenian rodat pada masyarakat sekitar Hulu Terengganu, dan mengkaji kaedah pemeliharaan dalam kesenian rodat. Melalui hasil temu bual dan pengedaran borang kaji selidik yang dijalankan pengkaji mendapat maklumat serta data yang diperlukan dalam mengukuhkan objektif kajian yang dikaji.

Antara perbincangan yang dinyatakan ini adalah berdasarkan objektif kajian di mana pengkaji telah melakukan pelbagai analisis berkaitan dengan objektif kajian pertama iaitu menyelidik tentang pengetahuan dan pemahaman masyarakat Hulu Terengganu. Dapatan kajian hasil daripada temu bual dan borang kaji selidik terdapat beberapa aspek penting yang perlu ditekankan dalam pengetahuan masyarakat terhadap kesenian ini. Oleh sebab itu, pengkaji telah memberikan fokus utama yang perlu ditekankan terhadap aspek pengetahuan dan pemahaman agar mencapai matlamat yang telah diterapkan dalam kajian ini. Antara aspek tersebut ialah

pemahaman responden mengenai apa itu rodat, persoalan mengenai individu pernah melihat persembahan rodat, individu yang pernah menyertai persembahan rodat, individu yang pernah menyertai acara kesenian lain selain rodat, pernah didedahkan tentang kesenian rodat di sekolah, individu yang berminat menyertai persembahan rodat, kesenian rodat masih aktif di sekitar kawasan responden, dan budaya rodat ini penting bagi individu tersebut. Oleh itu, masyarakat perlu mengambil serius terhadap pemahaman dan pengetahuan kesenian rodat ini agar ia kelihatan sempurna pada masa-masa akan datang yang disokong Wahab b. Ali.

Dapatan hasil kajian daripada temu bual pengkaji mendapati bahawa JKKN atau Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Terengganu dikenali sebagai tempat penyimpanan dan pemeliharaan kesenian rodat ini. Pernyataan ini disokong oleh ketua pengarah jabatan ini iaitu En. Hasryn Izzudin b. Mohd Khairy bahawa Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Terengganu khas didirikan untuk memulihara dan memelihara budaya dan warisan bukan sahaja kesenian rodat ini malah pelbagai kesenian lain yang terdapat di Negeri Terengganu termasuklah mak yong, Mak Inang, Dikir Barat, Gamelan dan sebagainya.

Selain itu, proses pemeliharaan kesenian rodat juga dianggap penting untuk masyarakat supaya kesenian rodat ini tidak ketinggalan zaman. Antara proses pemeliharaan yang dijalankan pengkaji adalah berdasarkan proses temu bual bersama pegawai JKKN serta beliau juga membantu serba sedikit dalam memberi pandangan dalam orang kaji selidik. Antaranya ialah mengadakan pertandingan Rodat sebagai Acara tahunan di setiap kampung-kampung, pernyataan mengenai individu bersetuju jika tarian dan lagu dalam Tarian Rodat ini diubah, Kesenian budaya Rodat ini haruslah dipupuk sejak bangku persekolahan, golongan muda harus terlibat secara

langsung dalam persembahan Rodat ini, menubuhkan organisasi yang bertanggungjawab dalam menguruskan Kesenian Rodat ini, mencipta pasukan dalam persembahan rodat di setiap kampung, dan mengenai Kesenian Tarian Rodat ini perlu dikenalkan untuk generasi akan datang. Data ini melengkapkan lagi pada bahagian pemeliharaan dalam kesenian rodat ini.

### **5.3 Penemuan Kajian**

Kesenian rodat di Hulu Terengganu ini merupakan tarian yang sangat penting pada masyarakat Terengganu. Penemuan kajian dalam kajian ini terdapat aspek yang menjadikan kajian ini lebih bermakna dan mempunyai kepentingan kepada masyarakat terutamanya di Hulu Terengganu. Ia juga berkait rapat dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Seterusnya pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif semasa menjalankan kajian ini dan memperoleh aspek-aspek penting dalam kajian. Antaranya adalah tempat di mana pengkaji telah menemukan sebuah perkampungan yang masih aktif lagi mengamalkan budaya rodat walaupun ia bukan dimainkan selalu oleh masyarakat di kampung tersebut. Kampung tersebut dinamakan kampung Geting, Hulu Terengganu. Ini merupakan penemuan terbaru oleh pengkaji dan sangat penting kepada masyarakat untuk melihat sendiri persembahan rodat ini dimainkan. Selain itu, menurut En Hasryn selaku pegawai JKKN, beliau menyatakan sememangnya di kampung tersebut mempunyai beberapa organisasi serta pasukan yang masih bergiat aktif dalam kesenian ini. Menurutnya lagi kampung Getting adalah salah satu tempat di mana kesenian rodat ini masih dimainkan di keseluruhan

Terengganu. Hal ini demikian bermaksud di daerah-daerah lain sudah tidak lagi dimainkan kesenian ini.

Selain itu, pengkaji juga memperoleh maklumat mengenai penemuan kajian ini pada persembahan yang diadakan oleh organisasi Noor Arfa Craft Batik. Organisasi telah mengadakan satu persembahan rodat di pusat bandar di Negeri Terengganu. Tetapi ia menggunakan kelainan pada persembahan tersebut dan ini merupakan penemuan kajian yang baharu diketahui oleh pengkaji. Antaranya penggunaan lagu dan tarian yang moden berbanding dahulu. Malah menarik lebih ramai pengunjung yang datang termasuklah golongan belia, dewasa dan warga emas. Hal ini demikian merupakan salah satu cara organisasi Noor Arfa Craft Batik untuk mempersempahkan dam sekali gus memelihara kesenian rodat ini agar tidak ditenggelami arus kemodenan.

#### **5.4 Cadangan**

Bahagian cadangan merupakan bahagian untuk pengkaji mengemukakan cadangan kepada pelbagai pihak termasuklah masyarakat, pihak sekolah dan pendidikan, JKKN, pihak pengurusan kesenian rodat serta pengkaji akan datang. Dalam cadangan ini juga pengkaji akan mengetengahkan idea-idea baru serta pendapat yang boleh digunakan pada masa hadapan dalam memperbaiki dan membantu pelbagai pihak serta pengkaji akan datang dalam menilai tahap keberkesanan dalam kesenian tersebut. Cadangan yang dikemukakan juga adalah berdasarkan daripada hasil kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Selain itu, pengkaji juga akan memasukkan cadangan daripada beberapa responden pada

bahagian borang kaji selidik untuk proses penilaian dan pendapat responden dalam kajian ini. Seterusnya , cadangan ini juga adalah bertujuan untuk membantu meningkatkan taraf kesenian rodat ini lebih bernilai pada masa kini dan dianggap bukan kesenian dan budaya yang dianggap biasa oleh masyarakat untuk dilupakan.

Antara cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji adalah :

#### **5.4.1 Cadangan Pengkaji**

##### **5.4.1.1 Cadangan kepada masyarakat**

- Pengkaji mencadangkan supaya golongan belia mahupun golongan dewasa untuk bergiat dalam kesenian rodat. Setiap golongan perlu menyertai dalam persesembahan kesenian rodat ini bukan sahaja menghadiri untuk menyaksikan malah menyertai secara langsung dalam kesenian ini. Setiap kampung perlulah menubuhkan organisasi ataupun sebuah pasukan yang menguruskan dalam persesembahan rodat ini.
- Dengan adanya pemain dan pasukan pengurusan ini, kesenian rodat ini dapatlah dimainkan serta diuruskan dengan lebih baik. Persembahan ini akan menarik lebih ramai pengunjung kerana secara tidak langsung penglibatan golongan belia turut sama bergiat dalam kesenian ini.

#### **5.4.1.2            Cadangan kepada pihak sekolah dan pendidikan**

- Pengkaji mencadangkan supaya pihak sekolah serta pendidikan terutamanya di negeri Terengganu supaya mendedahkan kesenian rodat ini kepada golongan remaja serta kanak-kanak di sekolah. Pihak haruslah menggunakan teknik yang sedia ada dalam mendedahkan tentang kesenian ini seperti mengajarkan subjek baru seperti budaya dan warisan di sekolah.
- Cadangan seterusnya ialah pihak sekolah dan pendidikan mempersembahkan acara kesenian ini di sekolah-sekolah mahupun institut-institut di Negeri Terengganu termasuklah Hulu Terengganu. Selain itu, pihak berkenaan juga mengadakan pertandingan di peringkat sekolah dan daerah seterusnya negeri. Ini jelas menampakkan bahawa kesenian ini akan dijaga hingga pada masa akan datang.

#### **5.4.1.3            Cadangan kepada Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Terengganu (JKKN)**

- Pengkaji mencadangkan agar pihak JKKN lebih aktif lagi dalam menjayakan acara kesenian ini supaya budaya ini tidak luntur di mata masyarakat. Cadangan ini adalah berkenaan dengan mengadakan kesenian rodat ini pada setiap kali diadakan acara kesenian di Terengganu.
- Pengkaji juga mencadangkan pihak JKKN agar dapat memberi kerjasama dengan pasukan luar dalam memberikan sumbangan kepada pasukan yang

ingin bergiat dalam kesenian rodat ini. Selain itu, JKKN juga berusaha untuk mempromosi dengan membina publisiti melalui pengiklanan dalam menarik pengunjung serta media massa supaya lebih ramai pengunjung menyertai persempahan tersebut.

#### **5.4.1.4 Cadangan kepada pengurusan kesenian rodat.**

- Cadangan pengkaji kepada pengurusan kesenian rodat yang masih lagi aktif hingga sekarang ialah mengubah sedikit lagu dan tarian rodat dalam persempahan bercirikan ala kemodenan seperti lagu Siti Nurhaliza yang telah dimainkan oleh Noor Arfa Craft Batik yang telah disebut oleh pengkaji dalam kajian ini supaya lebih ramai minat orang muda datang berkunjung dalam persempahan tersebut.
- Cadangan seterusnya ialah pengurusan rodat ini haruslah mengadakan persempahan bukan sahaja majlis perkahwinan dan adat istiadat diraja tetapi juga aktif di setiap kampung dan daerah supaya lebih banyak pendedahan mengenai kesenian rodat ini kepada masyarakat.

#### **5.4.1.5 Cadangan kepada pengkaji akan datang.**

- Pengkaji mencadangkan kepada pengkaji akan datang supaya menjalankan kajian tentang kesenian rodat di daerah lain untuk mengetahui lebih lanjut tentang keberkesanan dan ketelitian serta pemahaman masyarakat dalam

kesenian rodat tersebut. Kajian lain berkaitan kesenian rodat ini amat penting untuk dibandingkan di setiap daerah di mana pengkaji boleh membandingkan dengan kajian sedia ada dengan kajian pengkaji akan datang.

- Selain itu, pengkaji juga turut menyarankan kepada pengkaji akan datang untuk mengetengahkan lagi aspek lain yang ada pada kesenian rodat supaya masyarakat lebih tahu bahawa kajian ini sangat penting buat mereka dalam mengetahui setiap pengetahuan, pemahaman serta penilaian dalam kesenian budaya rodat ini.

#### **5.4.2 Cadangan Responden**

- Cadangan responden sebanyak tiga orang responden mencadangkan supaya yang diambil oleh pengkaji dalam borang kaji selidik ialah supaya lagu kesenian rodat ini diubah dengan menggunakan lagu yang moden supaya ia tidak membosankan
- Cadangan seterusnya ialah menyarankan agar mengadakan persesembahan kerap kali di Kuala Berang.
- Selain itu, responden mencadangkan agar kesenian ini bukan sahaja dimainkan pada majlis perkahwinan tetapi dipersembahkan secara langsung berkenaan kesenian ini.

#### **5.5 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa keseluruhan bab iaitu dari bab satu sehingga bab lima berkenaan kesenian rodat di Hulu Terengganu. Kesenian rodat ini merupakan persembahan tarian yang amat bermakna kepada masyarakat sekarang supaya ia tidak pupus disebabkan masyarakat sekarang tidak mengendahkan lagi budaya rodat ini. Hal ini demikian menyebabkan terdetiknya penyelidik untuk melakukan kajian seperti ini.

Selain itu, pengkaji juga telah mengenal pasti dan dalam kajian ini telah menjawab semua permasalahan kajian, objektif kajian dan persoalan kajian dalam penyelidikan ini dengan jayanya oleh semua individu yang memberikan kerjasama dengan baik sekali dalam menyiapkan kajian ini. Dalam bab ini juga pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan dan saranan kepada pihak terlibat sebagai tujuan untuk penambahbaikan dan pemeliharaan kepada kesenian rodat ini. Harapan pengkaji supaya kajian ini menjadi kajian yang sangat bermakna buat masyarakat Terengganu terutamanya Hulu Terengganu supaya lebih menyedari bahawa budaya tarian rodat ini semakin pudar dalam kalangan masyarakat dan seterusnya kajian ini berguna untuk pengkaji-pengkaji pada masa akan datang.

## **RUJUKAN**

### **Buku**

- Abdullah, U. (2003). *Siri Mengenal Budaya Rodat*. Kuala Lumpur: Cawangan Dokumnetasi dan Penerbitan.
- Elaine, L. (2007). *Ethnic musical instrument of Malaysia*. Subang Jaya: Win Publication Sdn. Bhd.
- Ibrahim, S. O. (1998). Pengurusan dan Pentadbiran. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Nasuruddin, M. G. (1989). Muzik Tradisionala Malaysia. In *rodat*. Kuala Lumpur: Dawarna Sdn. Bhd.
- Pfifner, J.M. dan F.P. Sherwood, *Administrative Organization*, Prentice-Hall of India, New delhi, 1968

### **Laman web**

- Itar, A. I. (2008, Mac 3). *Masalah Industri Kreatif Asia*. Retrieved from Utusan Online:  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0303&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa\\_03.html](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0303&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa_03.html)
- Kedua, K. P. (n.d.). Retrieved from Pusat Rujukan Persuratan Melayu:  
<http://www.prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=%0Amasyarakat>
- Keempat, K. D. (n.d.). *Kamus Bahasa Melayu*. Retrieved from Pusat Rujukan Persuratan Melayu: <http://www.prpm.dbp.gov.my/search.aspx?k=rodat>
- Liem, J. (n.d.). Retrieved 2015, from Pengertian Masyarakat:  
<http://www.9wiki.net/pengertian-masyarakat/>
- Terengganu. (n.d.). *Transformasi Terengganu Baharu*. Retrieved from Terengganu website: <http://www.terengganu.gov.my>
- Terengganu, K. N. (n.d.). Retrieved from Portal Rasmi Kerajaan Negeri Terengganu:  
<http://www.jheatweb.terengganu.gov.my>
- Terengganu, M. B. (n.d.). Retrieved from Majlis Bandaraya Kuala Terengganu:  
<http://www.mbklt.terengganu.gov.my>

Zahari, R. (2007, 12 3). *Wayang Kulit Semakin Tersisih*. Retrieved from Utusan Online:  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1203&sec=Sastera&pg=sa\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1203&sec=Sastera&pg=sa_01.htm)

### **Jurnal**

Abdullah, M. I., Abu Bakar, S., & Annuar, T. M. (2013). Penerimaan Khalayak. *Rodat: Budaya Tradisi Yang Berevolusi*.  
[http://wacanaseni.usm.my/WACANA%20SENI%20JOURNAL%20OF%20ARTS%20DISCOURSE/wacanaSeni\\_v12/WS-ART%202%20\(19-56\).pdf](http://wacanaseni.usm.my/WACANA%20SENI%20JOURNAL%20OF%20ARTS%20DISCOURSE/wacanaSeni_v12/WS-ART%202%20(19-56).pdf)

Muhammad Irfan Nyia Abdullah1, S. A. (2013). Penerimaan Khalayak. *Rodat: Budaya Tradisi Yang Berevolusi*.

## **LAMPIRAN**



### **Kesenian Rodat di Hulu Terengganu**

Soal Selidik ini bertujuan untuk mengetahui pengetahuan anda tentang Kesenian Rodat di Hulu Terengganu. Selain itu, anda juga diminta untuk memberikan maklum balas di ruangan cadangan mengenai kesenian ini. Anda diharap agar dapat memberi kerjasama dengan ikhlas dan menjawab mengikut pengetahuan anda.

*Sila tandakan jawapan pilihan anda dengan tanda ( / ) pada ruangan yang disediakan. Atas sumbangan dan kerjasama anda diucapkan setinggi-tinggi jutaan terima kasih.*

#### **Bahagian 1 : Maklumat Responden**

##### **1. Jantina**

Lelaki

Perempuan

##### **2. Umur**

Bawah 40 tahun  
atas

40 – 50 tahun

50 tahun ke

##### **3. Bangsa**

Melayu

Cina

India

**Lain-lain sila nyatakan :** \_\_\_\_\_

## Bahagian 2 : Tahap Pengetahuan Terhadap Kesenian Rodat

Arahan :

1. Sila baca kenyataan yang diberikan
2. Sila tandakan (/) dalam petak berkenaan

1. Adakah anda tahu apa itu Rodat?

Ya  Tidak

2. Adakah anda pernah menyaksikan persembahan Rodat?

Ya  Tidak

3. Adakah anda pernah menyertai persembahan rodat?

Ya  Tidak

4. Adakah anda pernah menyertai mana-mana acara kesenian selain rodat?

Ya  Tidak

5. Apakah anda pernah didedahkan tentang kesenian rodat di sekolah?

Ya  Tidak

6. Adakah anda berminat untuk menyertai persembahan Rodat?

Ya  Tidak

7. Adakah Kesenian Tarian Rodat ini masih aktif di tempat anda?

Ya  Tidak

### Bahagian c : Cadangan dan Saranan pemeliharaan kesenian rodat

*Bagi setiap item, sila bulatkan satu daripada setiap perkara untuk menyatakan pendapat anda mengikut skala yang ditetapkan. Anda tidak dibenarkan menandakan lebih dari satu mengikut perkara yang disediakan*

| No | Perkara   | Sangat<br>Tidak<br>Setuju | Tidak<br>Setuju | Tidak<br>Pasti | Setuju | Sangat<br>Setuju |
|----|---|---------------------------|-----------------|----------------|--------|------------------|
|    |   | 1                         | 2               | 3              | 4      | 5                |
| 1. | Adakah budaya Rodat ini penting untuk diri anda?                                  | 1                         | 2               | 3              | 4      | 5                |
| 2. | Membuat pertandingan Rodat sebagai Acara tahunan di setiap kampung-kampung.       | 1                         | 2               | 3              | 4      | 5                |
| 3. | Adakah anda bersetuju jika tarian dan lagu dalam Tarian Rodat ini diubah?         | 1                         | 2               | 3              | 4      | 5                |
| 4. | Kesenian budaya Rodat ini haruslah dipupuk sejak bangku persekolahan.             | 1                         | 2               | 3              | 4      | 5                |
| 5. | Golongan muda harus terlibat secara langsung dalam persembahan Rodat ini.         | 1                         | 2               | 3              | 4      | 5                |
| 6. | Menubuhkan organisasi yang bertanggungjawab dalam menguruskan Kesenian Rodat ini. | 1                         | 2               | 3              | 4      | 5                |
| 7. | Mencipta pasukan dalam persembahan rodat di setiap kampung.                       | 1                         | 2               | 3              | 4      | 5                |
| 8. | Adakah Kesenian Tarian Rodat ini perlu dikekalkan untuk generasi akan datang?     | 1                         | 2               | 3              | 4      | 5                |

Jika ada cadangan lain, sila nyatakan :

---

---

---

---

*Terima kasih di atas kesudian tuan/puan menjawab dan memulangkan borang soal selidik ini. Dapatkan ini membantu kami memperoleh gambaran berkaitan tahap pengetahuan Kesenian Rodat ini.*